


Jilid I
Bil. 95



Hari Isnin
19hb November, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10223]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 10248]

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1979**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1979**

[Ruangan 10249]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

Anggaran Pembangunan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Kelima):

Maksud P. 23 [Ruangan 10254]

Maksud P. 24 [Ruangan 10285]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Kelima):

Jadual:

Maksud B. 23 [Ruangan 10254]

Maksud B. 24 [Ruangan 10285]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA*Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG PERTAMA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J. S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.J.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK' K. PATHMANABAN, D.S.N.S. K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Paslimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N., (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MOHD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Grik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Aintu).

- Yang Berhormat TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 19hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**PERKHIDMATAN KERAJAAN—
PENGAMBILAN KAKITANGAN**

1. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau boleh memberi jaminan yang pasti bahawa semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum yang berkhidmat dengan Kerajaan tidak akan dibezakan dalam kenaikan pangkat, peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran dan lain-lain untuk menjamin supaya kecekapan perkhidmatan awam tidak tergendat akibat perasaan sakit hati, rasa tak puas hati dan kekecewaan.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Wakil dari Sandakan itu memang telah diamalkan dalam perkhidmatan Kerajaan sekarang. Seterusnya prinsip ini patutlah diikuti bukan sahaja dalam Perkhidmatan Awam tetapi hendaklah juga diikuti oleh pihak Swasta dan pihak-pihak yang lain. Ini ialah kerana negara Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa dan tiap-tiap kaum hendaklah diberi peluang yang sama baik dari segi perkhidmatan Kerajaan, bidang perniagaan dan perindustrian, teknologi dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa majoriti komposisi Lembaga-lembaga Jentera Kerajaan atau Jawatankuasa-

jawatankuasa yang ada tanggungjawab yang tinggi dalam Kementerian-kementerian atau di mana-mana Kerajaan terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan daripada satu kaum iaitu kaum Melayu. Adakah pihak Kerajaan berkehendak untuk menentukan bahawa semua Lembaga Kerajaan atau Separuh Kerajaan dan Jawatankuasa-jawatankuasa yang bertugas dengan tanggungjawab yang berat terdiri daripada pegawai-pegawai daripada semua kaum.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah cuba terangkan tadi soalnya bukan terhad kepada apa yang terdapat dalam Kerajaan sahaja tetapi juga di dalam seluruh masyarakat dalam semua kegiatan. Keadaan dalam Kerajaan bolehlah dibetulkan dengan mudah sahaja apabila keadaan di lain-lain tempat juga bertukar mengikut kehendak negara kita.

Tuan Chan Teck Chan: Sungguhpun ini adalah merupakan satu jaminan yang sangat menyenangkan hati rakyat Malaysia daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai kenaikan pangkat atau peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran dan lain-lainnya tidak akan mengira kaum. Tetapi khususnya di bidang Perkhidmatan Awam ada terdapat satu perasaan yang sangat tidak puashati.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Chan Teck Chan: Soalan saya ialah bolehkah Yang Amat Berhormat bertindak untuk mengikis perasaan tidak puashati baik di bidang kenaikan pangkat atau biasiswa-biasiswa atau lain-lain peluang di Perkhidmatan Awam tanpa mengakibatkan kakitangan Kerajaan merasa bahawa kenaikan pangkat atau peluang-peluang itu disebabkan kerana warna kulit satu-satu bangsa, kepercayaan agama atau perhubungan politik.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soal mengikis ini juga ada kaitannya dengan Kerajaan seluruh negara kita. Kita tidak dapat mengikiskan perasaan tidak puashati di satu tempat tetapi meninggal perasaan tidak puashati di dalam tempat-tempat yang lain. Sebab itu kita cuba membentuk Dasar Ekonomi Baru untuk menentukan supaya perasaan tidak puashati ini tidak ketara di dalam bidang-bidang yang lain. Malangnya kita mempunyai orang-orang yang selalu membangkitkan perasaan tidak puashati ini dan mengapi-apikannya melalui ucapan-ucapan mereka di seluruh negara. Sebab itu perasaan benci dan marah ini akan berkekalan selagi ada orang yang sengaja mengapi-apikannya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekiranya terdapat pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam yang sakit hati atau rasa tidak puashati atau berada di dalam kekecewaan terhadap Perkhidmatan Awam ini, apakah langkah yang akan diambil untuk menjamin kebersihan ataupun kecekapan Perkhidmatan Awam itu tidak terjejas.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, langkah pertama yang perlu diambil ialah mengasingkan mereka itu daripada mereka yang sengaja mengapi-apikan perasaan yang buruk itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengakui bahawa ada keadaan yang tidak adil dan tidak seimbang dalam perkara ini dalam Perkhidmatan Awam. Tetapi adakah jawapannya bererti bahawa pihak Kerajaan tidak akan memberi satu contoh untuk membetulkan perkara ini selain daripada pihak-pihak lain di swasta ada apa-apa perubahan. Adakah ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan tidak akan mencontohi untuk membetulkan ketidakseimbangan dalam perkara yang sangat mustahak ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat ingin membaca Hansard berkenaan dengan apa yang saya berkata tadi, dia akan dapati bahawa saya tidak pernah mengaku bahawa keadaan tidak adil terdapat di dalam

badan-badan ini. Yang berkata keadaan ini tidak adil ialah Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Dan kita terpaksa menunggu sehingga pembetulan dibuat di lain-lain bidang termasuk dalam parti, seperti DAP yang mana. . . . (*Disampuk*)—saya fikir ada aturan dan peraturan mesyuarat dalam Dewan ini. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat tidak faham peraturan-peraturan, saya tidak berupayalah. Biasanya bila saya bercakap, orang lain senyap (*Tepuk*).

Memang benar dalam UMNO ahli-ahlinya terdiri daripada orang Melayu, kerana itu dibuat begitu, tetapi kita tidak membuat pengakuan bahawa kita bukan perkauman, tetapi kita amalkan secara perkauman. Kalau kita betul-betul mengamalkan cara bukan perkauman, maka dengan mudahnya bidang-bidang lain juga dapat diberi perhatian.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat ada berkata bahawa ada orang yang cuba membangkitkan perasan tidak puas hati, ada orang yang cuba mengapi-apikan perasaan itu. Pertama, bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini, siapakah orang-orang itu? Adakah Yang Amat Berhormat boleh menunjukkan bukti-buktinya dan juga bagaimana Yang Amat Berhormat boleh mengasingkan orang-orang itu daripada mengapi-apikannya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soal itu sudahpun menyeleweng luar daripada soal asal! Tetapi tidak usah dipanjangkan lagi, sebab soalan asal ialah berkenaan dengan perbezaan dalam kenaikan pangkat, kemudian peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran dan lain-lain. Itu tidak berkaitan dengan soalan tambahan Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Chan Teck Chan: Yang Amat Berhormat hendak jawab?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, siapa makan cili, dia lah yang merasa pedas (*Tepuk*).

PENDATANG HARAM VIETNAM— RUNDINGAN

2. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kedutaan-kedutaan negara komunis Eropah

dan Asia di negara ini pernah dipanggil untuk merundingkan masalah pendatang-pendatang haram dari Vietnam dalam usaha mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita mengatasi masalah-masalah pendatang haram Vietnam, Malaysia mengemukakan kepada masyarakat antarabangsa terutama negara-negara penerima untuk meningkatkan lagi bilangan penerimaan masing-masing supaya bebanan saki-baki pendatang-pendatang haram Vietnam itu tidak dialami oleh kita sama sekali. Dalam mencapai matlamat di atas, kita telah menghadiri mesyuarat Bangsa-bangsa Bersatu mengenai orang-orang pelarian Indo-China pada 20hb hingga 21hb Julai, 1979 di Geneva di mana 65 buah negara dan agensi antarabangsa turut serta. Negara-negara ini termasuklah Soviet Union, Republik Rakyat China dan juga Vietnam.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa negara kita meminta negara-negara yang lain supaya mengambil pendatang haram itu, adakah Kerajaan kita sendiri bercadang supaya mengambil sebahagiannya, bukan semestinya mereka yang ada dalam tanahair kita, tetapi di mana-mana juga.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tidak.

PROJEK MINI ESTET RISDA

3. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat ini sejauh manakah kejayaan RISDA dalam menjalankan Projek Mini Estet, dan apakah jenis-jenis tanaman yang terlibat dengan projek ini.

Timbalan Menteri Kemajuan, Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, Projek Mini Estet RISDA bermula dalam tahun 1978 dan setakat hari ini kemajuan yang dicapai sangatlah memuaskan.

Sejumlah 4,957 ekar telah dibuka di bawah rancangan ini yang melibatkan seramai, 1,440 peserta pekebun kecil getah.

Daripada keluasan di atas lebih kurang 76% sudahpun bertanam.

Jenis-jenis tanaman yang digalakkan adalah getah dan kelapa sawit yang ditentukan mengikut kesesuaian tanah. Setakat ini seluas 600 ekar (12%) kelapa sawit dan 3,141 ekar (64%) getah telahpun ditanam. Baki kawasan seluas 1,216 ekar (14%) sudahpun ditawarkan tender.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sama ada pihak RISDA membuat perundingan awal terlebih dahulu dengan pihak berkuasa negeri sebelum menjalankan projek ini. Jika tidak, sejauh manakah penglibatan Kerajaan Negeri dalam mengusahakan projek mini estet ini?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang berunding dengan Kerajaan Negeri terlebih dahulu kerana projek-projek begini melibatkan tanah.

TANAMAN KOKO/KELAPA SAWIT

4. **Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menubuhkan rancangan-rancangan penanaman secara besar-besaran seperti koko, kelapa sawit dll. di Bahagian Ketujuh, Kapit.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakariah bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan untuk penanaman koko dan kelapa sawit di Kapit. Tetapi kesesuaian tanah di kawasan tersebut untuk tanaman secara besar-besaran adalah terhad. Walau bagaimanapun, kawasan di seluruh daerah Ulu Belaga seluas kira-kira 10,000 ekar di Bahagian Ketujuh mungkin sesuai untuk penanaman koko dan kelapa sawit secara besar-besaran. Perkara ini sedang dikaji.

LADA HITAM—DUTI EKSPORT

5. **Tuan P. Patto** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada duti eksport ke atas lada hitam adalah berdasarkan kepada harga di Singapura dan bukan harga tempatan; jika ya, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, nilai yang digunakan sebagai perkiraan cukai atas

sesuatu barang adalah ditetapkan di bawah Akta Kastam. Pada umumnya, nilai yang bakal digunakan ialah nilai barang tersebut di pasaran terbuka. Walaupun harga pasaran lada hitam di Singapura digunakan sebagai asas perkiraan untuk nilai bagi pungutan duti eksport ianya adalah dipinda dengan membuat potongan-potongan tertentu supaya nilai yang akhir digunakan adalah menggambarkan harga FOB lada hitam. Pengiraan cara di atas adalah merupakan langkah sementara sehingga sistem pemasaran berubah dan Malaysia menjadi pusat penjualan lada hitam.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada berkata bahawa sistem yang ada sekarang ini tidak akan ditukar sehingga Malaysia menjadi pusat pemasaran bagi lada hitam. Saya ingin tahu, apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menuju ke arah supaya menjadikan Malaysia sebagai pusat pemasaran lada hitam.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang akan diambil untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pemasaran lada hitam ialah:

- (a) mengadakan pusat-pusat menggrading di Sarikei, Kuching dan Jahor Bharu;
- (b) memperbaiki mutu mesin-mesin yang digunakan bagi memproses lada supaya mutu lada yang dikeluarkan adalah tinggi;
- (c) mengadakan pemeriksaan sebelum dieksport lada tersebut dan juga pengeluaran sijil mutu atas eksport lada tersebut;
- (d) penyebaran maklumat dan keterangan mengenai harga pasaran lada dengan secepat mungkin yang boleh. Ini untuk membolehkan penanam mengetahui harga pasaran bahan tersebut; dan
- (e) menyatakan pembeli-pembeli dan memberi perkhidmatan kepada mereka mengenai pasaran dan harga.

Pihak Lembaga juga menjalankan aktiviti-aktiviti promotion di pasaran luar negeri dan menjamin penyelidikan bagi meninggikan lagi mutu eksport bahan tersebut.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada berkata beberapa langkah yang akan diambil untuk mencapai matlamat supaya menjadikan Malaysia sebagai pusat pemasaran lada hitam. Saya ingin tahu sama ada langkah-langkah yang disebutkan itu sudahpun mula dijalankan dan saya ingin tahu apakah tempoh yang telah ditetapkan supaya harga lada hitam tidak bergantung kepada harga yang ditetapkan di pusat pemasaran di Singapura, ini oleh kerana penanam-penanam lada hitam khususnya di Sarawak masih rasa bahawa walaupun lada hitam ditanam dan dikeluarkan dari Malaysia tetapi malangnya harga terkait dengan harga di Singapura.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang saya katakan tadi akan dijalankan.

- (a) Malaysia akan dijadikan sebagai pusat penjualan lada hitam apabila mencapai sistem pengangkutan yang baik iaitu kemudahan pelabuhan.
- (b) Sistem perhubungan antara pusat pemasaran dan negara-negara pengimpor.
- (c) Sistem kewangan dan penyertaan institusi kewangan dalam perniagaan tersebut.

Walau bagaimanapun, ini akan memakan masa yang lama.

SOALAN NO. 6 DITARIK BALIK

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telahpun diberi tahu iaitu soalan No. 6 atas nama Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh ditarik balik.

Sekarang saya teruskan kepada soalan No. 7 dan saya jemput Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan No. 7 sekarang ini atas nama Yang Berhormat dari Sandakan.

PENIPUAN OLEH SEBUAH FIRMA DI PULAU PINANG

7. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan polis ke dalam perkara penipuan 250 orang-orang yang tamat sekolah oleh sebuah firma di Pulau Pinang pada bulan Julai tahun ini telah selesai; jika ya, beri butir-butir lanjut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, pihak polis telah menerima laporan daripada 129 orang berkaitan dengan perkara penipuan oleh sebuah firma di Pulau Pinang. Siasatan ke atas laporan-laporan tersebut telahpun selesai dan perkara ini sekarang berada di dalam tangan Penasihat Undang-undang Pulau Pinang atau DPP di Pulau Pinang, jadi terserah kepada dia untuk mengambil tindakan.

MURID-MURID DI SEKOLAH RENDAH

8. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar nisbah murid-murid di antara umur 6 hingga 11 yang berada di sekolah-sekolah rendah telah merosot di antara tahun 1975 dan tahun 1978; jika ya; nyatakan sebab-sebab yang mengakibatkan kemerosotan ini dan juga nyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementeriannya untuk mencegah kemerosotan ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berapa jelas maksudnya. Saya menganggap soalan itu bermaksud hendak mengetahui kadar peralihan (transition rate) murid-murid dari satu darjah ke satu darjah di peringkat sekolah rendah antara tahun 1975 hingga tahun 1978.

Angka-angka bagi tahun-tahun 1975 hingga 1978 menunjukkan kadar peralihan yang bertambah baik bagi darjah satu ke darjah dua dan dari darjah dua ke darjah tiga, serta kadar turun naik bagi darjah-darjah yang lain di peringkat sekolah rendah. Keadaan yang ujud tidaklah merunsingkan kerana kadar-kadar peralihan bagi semua darjah melebihi 90% iaitu satu kadar yang memuaskan. Begitu juga dengan nisbah ke-

masukannya murid ke darjah satu tiap-tiap tahun. Walau bagaimanapun keadaan yang wujud adalah memuaskan, Kementerian saya sentiasa berusaha memperbaiki keadaan yang ada sekarang. Beberapa langkah telahpun diambil antaranya ialah melanjutkan rancangan pinjaman buku teks, membuat kajian secara mendalam untuk memulihkan taraf pelajaran dan juga pembelajaran di sekolah-sekolah rendah luar bandar, menambah kadar kelas, guru, mengurangkan bilangan maksima murid di dalam darjah dan mengujudkan pusat sumber pelajaran di peringkat tiap-tiap negeri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 9.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini dibawa oleh Yang Berhormat dari Menglembu.

MARKAH PEPERIKSAAN BAHASA TAMIL

9. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada benar atau tidak pemeriksa-pemeriksa yang menyemak kertas bahasa Tamil dalam peperiksaan L.C.E. tahun 1978 diberitahu bahawa mereka hendaklah memberi 20 markah maksima untuk bahagian karangan sedangkan bahagian itu diperuntukkan 40 markah dan mereka juga diberitahu bahawa mereka hendaklah memberi 40 markah maksima untuk bahagian yang lain sedangkan bahagian tersebut diperuntukkan sebanyak 60 markah; dan
- (b) beri sebab-sebab mengapa hanya 5% daripada murid-murid yang mengambil kertas bahasa Tamil dalam peperiksaan L.C.E. tahun lalu lulus dan nyatakan sebab-sebab yang sedang dan akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dakwaan ini adalah tidak benar sama sekali kerana tidak ada perubahan-perubahan peruntukan atau pemberian markah yang demikian.

- (b) Kenyataan ini juga adalah tidak benar kerana dalam peperiksaan tahun 1978 peratus kelulusan kertas Bahasa Tamil bagi Peperiksaan L.C.E. ialah 43.9% dan bagi Peperiksaan S.R.P. pula ialah 44.4%.

MANGSA YANG MENJADI PELACUR

10. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau sedar bahawa jenayah yang tiada berperikemanusiaan seperti perbuatan menceburkan gadis-gadis ke lembah hina dan perbuatan merosakkan wajah-wajah gadis dan lain-lain perbuatan semakin bertambah. Jika beliau sedar, apakah langkah yang positif untuk mencegah jenayah tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan menceburkan gadis-gadis ke lembah pelacuran adalah satu jenayah yang paling sukar untuk dikesan bagi menentukan sama ada gadis-gadis itu dipaksa ataupun mereka itu menceburkan diri dengan cara sukarela melainkan ada aduan dibuat kepada polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan mangsa-mangsa yang dipaksa menjadi pelacur yang telah melaporkan kepada polis pada tahun 1977 5 orang. Pada tahun 1978, 6 orang dan pada tahun 1979 sehingga bulan September 4 orang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak polis mereka sentiasa mengambil tindakan dan langkah-langkah tertentu untuk menyelamatkan gadis-gadis yang menjadi mangsa serta menangkap mereka yang terlibat. Bagaimanapun, pencegahan yang paling positif, yang paling berkesan adalah berpunca daripada kesedaran, daripada tanggungjawab serta didikan ibubapa sendiri terhadap anak-anak mereka. Gadis-gadis ini pula hendaklah sentiasa berhati-hati supaya tidak mudah terpedaya dengan pujuk rayu atau janji-janji malahan tanggungjawab ini adalah sepatutnya dipikul bersama oleh semua anggota masyarakat termasuk pemimpin-pemimpin.

Bagi pecahan yang kedua di dalam soalan ini iaitu jenayah yang melibatkan perbuatan mencatitkan wajah gadis-gadis. Yang kita dapat tahu daripada tahun 1970 hingga 1979 hanya 2 kes sahaja. Jadi, tidaklah benar kalau berkata perkara ini bertambah-tambah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana laporan jenayah seperti yang disebutkan dalam soalan ini semakin bertambah dilaporkan di dalam surat-suratkhobar maka adakah pihak polis hanya menunggu laporan yang dibuat ataupun pencegahannya itu bertindak seperti mana pihak polis mencegah penyalahgunaan dadah iaitu dengan cara yunit-yunit tertentu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal ini ada kerumitannya iaitu soal perkara apakah mereka ini menjalankan apa yang dikatakan pelacuran tadi dengan cara sukarela atau dengan cara paksaan. Soalan asalnya iaitu mereka ini dijenayahkan oleh kerana dengan paksaan. Jadi, kalau tidak ada laporan, tidaklah dapat bagi pihak polis menentukan bahawa ini adalah perkara jenayah tetapi kalau ada laporan, insya Allah akan disiasat seperti jenayah yang lain.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, nampaknya dari jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ialah pelacur-pelacur yang ada di Malaysia beribu-ribu orang itu ialah dijalankan dengan secara sukarela kerana dari laporan secara paksaan ialah hanya tidak lebih 20 orang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum itu Yang Berhormat, yang dikatakan beribu-ribu orang ini ada perangkaan?

Tuan Chan Teck Chan: Beribu-ribu pelacur itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya. Soal saya Yang Berhormat kata beribu-ribu pelacur dalam Malaysia ini ada perangkaan atau ini cuma pandangan?

Tuan Chan Teck Chan: Itu perangkaan yang saya dapati daripada satu seminar di dalam suratkhobar di Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kenyataan itu tidak boleh diterima.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, soalan tambahan saya ialah adakah ini bermakna bahawa hanya ada tidak lebih 20 kes pelacuran ini ialah menjalankan pelacuran secara paksaan, yang lain ialah secara sukarela. Benar atau tidak benar?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan yang lain itu semua sukarela, itu nampaknya pengetahuan Yang Berhormat lebih banyak daripada pengetahuan orang lain. Tetapi apa yang saya katakan pihak Polis hanya boleh mengambil tindakan kalau ada laporan mengatakan ada jenayah berlaku, itu jawapan saya tadi.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri berkenaan jenayah seperti perbuatan merosakkan wajah-wajah gadis-gadis selain daripada kalau ditangkap punish penjahat-penjahat itu, bolehkah di atas humanitarian ground Kementerian berkenaan memberi kebajikan kepada mangsa-mangsa yang berkenaan, misalnya, memberi peruntukan untuk perubatan (hospital charges) dan lain-lain yang diperlukan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soal kebajikan, saya rasa soal ini lain tetapi oleh kerana ada cadangan itu, saya akan panjangkan cadangan ini kepada tempat yang tertentu.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ini didapati menjadi-jadi jenayah yang tiada berperi ke manusia terhadap wanita seperti merogol, disibah air api hingga buta, dikahwini kemudian dipaksa melacurkan diri supaya suami dapati hasil ialah kerana hukuman yang dijatuhkan ke atas penjenayah-penjenayah itu tidak setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Bilakah Kementerian hendak membuat satu peruntukan supaya hukuman yang lebih berat boleh menyerikkan serta memberi ketakutan kepada orang lain daripada melakukannya akan dijalankan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini soal lain Yang Berhormat, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri sudi hendak menjawab?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan berkenaan dengan soal ini sahaja bahkan banyak lagi perkara lain yang serupa, iaitu ada banyak perkara ini dibawa ke mahkamah. Undang-undang yang diperuntukkan itu sudah cukup hukumannya tetapi jatuh

hukumannya itu adalah terpulang kepada kebijaksanaan tuan hakim, terserahlah kepada tuan hakim di dalam hal ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, soalan No. 11.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Keluang.

KILANG SIMEN—PERLINDUNGAN TARIF

11. Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada kilang-kilang simen tempatan masih menikmati perlindungan tarif kerana mereka sedang memperolehi keuntungan besar, dan sama ada beliau masih membenarkan kemasukan simen yang diimpotkan dengan bebas supaya harga simen boleh dikurangkan serta juga membantu mengurangkan memuncaknya harga rumah-rumah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kilang-kilang simen memang menikmati perlindungan tarif, iaitu dari segi cukai impot sebanyak \$2 satu tan atau 10 sen satu beg (50 kilo). Jumlah ini adalah terlalu kecil dan tidak membawa apa-apa kesan kepada mereka yang hendak mengimpot simen dari luar negeri dan juga terhadap keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat simen tempatan. Buat masa sekarang tidak ada sebarang sekatan ke atas pengimpotan simen dari luar negeri dan pengimpot-pengimpot bolehlah mengimpot simen tanpa memerlukan lesen dari Kementerian saya.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan sedar setakat hari ini pengguna-pengguna simen di Johor mendapat simen dari Singapura dengan harga yang lebih murah daripada harga simen-simen yang dihantar dari Kuala Lumpur. Tidakkah ini menunjukkan pengguna-pengguna di Johor yang beli simen dari Singapura termasuk

bayar cukai boleh dapat harga murah daripada simen-simen yang dihantar daripada kilang-kilang kita. Ini menunjukkan kilang-kilang mendapat untung banyak dan masa ini di Johor tidak dapat simen daripada Kuala Lumpur atau dari Perak. Jadi apakah tindakan boleh diambil oleh Kementerian berkenaan menghantar lebih simen kepada Johor.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, penghantaran simen ke mana-mana tempat dalam Semenanjung Malaysia ini adalah berdasarkan kepada permintaan dan juga berdasarkan kepada network pembahagian (distribution network) bagi pengeluar-pengeluar simen yang berkenaan. Kalau ada permintaan-permintaan yang tertentu daripada satu kawasan itu dan ini tidak dapat dibuat secara persendirian mereka bolehlah melaporkan kepada Kementerian saya supaya usaha menghantar simen-simen ke tempat-tempat yang berkenaan dapat dibuat.

Mengenai harga simen yang diimport di Johor Bahru kurang daripada harga simen yang berasal daripada dalam negeri, mengikut perkiraan Kementerian saya, harga simen di Singapura adalah sebanyak \$132 satu tan manakala harga yang telah luluskan oleh Kerajaan kepada kilang-kilang ialah \$130 ex-factory, jadi tidaklah bermakna bahawa harga simen di negara kita ini lebih tinggi daripada di Singapura.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa perlindungan tarif ini yang diberi kepada kilang-kilang simen disalahgunakan dan bertentangan dengan kepentingan pengguna-pengguna. Sebagai contohnya sungguhpun ada perisytiharan oleh Menteri dan Timbalan Menteri bahawa harga ex-factory untuk simen di negara kita ialah \$6.50 dan pembina-pembina rumah boleh pergi ke faktori untuk membeli simen itu dengan harga ex-factory \$6.50 dengan pengangkutan mereka sendiri tetapi sampai sekarang ada beberapa buah kilang-kilang tersebut enggan dan tidak mahu jual simen-simen dengan harga ex-factory \$6.50 oleh kerana mereka mahu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Lim Kit Siang: Salahguna perlindungan tarif semacam ini. Apa tindakan yang Kementerian berkenaan akan ambil untuk menentukan bahawa perlindungan tarif di mana kilang-kilang simen mendapat perlindungan tidak disalahguna semacam contoh ini.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju bahawa perlindungan tarif ini disalahgunakan oleh kilang-kilang simen yang berkenaan oleh kerana ini terpulanglah kepada pengguna-pengguna sendiri, sekiranya mereka ingin mengimport simen sebagaimana yang saya katakan tadi, adalah dibenarkan. Jadi tidaklah bermakna bahawa pengeluar-pengeluar simen sekarang menyalahgunakan perlindungan tarif ini, saya fikir tidak ada kaitannya secara langsung. Walau bagaimanapun, oleh kerana ada beberapa kilang, terutama sekali kilang-kilang yang baru menjalankan operasi dalam negara kita, Kerajaan terpaksa memberi sedikit sebanyak perlindungan, kilang-kilang yang sudah "established" itu mungkin tidak memerlukan, tetapi oleh kerana industri ini adalah satu industri baru, setakat ini kita masih perlu memberi perlindungan. Tetapi sekiranya ada mana-mana perkara yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang melanggar persetujuan yang telah dibuat di antara Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan pengeluar-pengeluar simen membenarkan simen dijual kepada pengguna-pengguna yang besar-besar di peringkat ex-factory, silalah laporkan kepada Kementerian saya.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata—dan bukan sahaja kali ini—beberapa kali dalam Dewan ini bahawa kontraktor-kontraktor dan pengguna-pengguna yang ingin membeli simen dengan harga ex-factory daripada kilang boleh berbuat demikian dengan menghubungi terus dengan pengilang, tetapi adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atau pihak Kementerian sedar bahawa apakala kontraktor-kontraktor dan pengguna-pengguna membawa kenderaan pengangkutannya sendiri dan pergi ke kilang untuk membeli simen dengan harga ex-factory mereka disuruh tunggu sehingga semua lori pengangkutan syarikat simen itu dipenuhi dengan beg-beg simen, selepas keluar daripada kilang barulah kontraktor

dan pengguna-pengguna boleh mengisi lori-nya. Itu bererti kadang-kadang kena tunggu beberapa hari. Adakah beliau sedar, dan jika sedar, apakah tindakan akan diambil terhadap pengilang-pengilang supaya keistimewaan yang dibuat oleh Kementerian sendiri dapat digunakan oleh kontraktor dan pengguna-pengguna?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu tidak berkait dengan soalan yang dikemukakan oleh Dr Chen Man Hin. Soalan Dr Chen Man Hin cuma ada dua perkara, berbunyi iaitu "menikmati perlindungan tarif", dan yang kedua ialah "kemasukan simen yang diimport". Jadi kalau boleh Yang Berhormat tumpukan soal kepada dua perkara yang disoal ini. Kalau tidak, perkara itu akan keluar daripada soalan asal.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat dari Petaling ada bertanya tentang tarif yang diberi kepada kontraktor dan pengguna-pengguna. Tetapi soal mendapatkan simen juga bersabit dengan tarif dan segala-galanya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu betul, tetapi boleh dibawa dalam soal yang lain-lain kali.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya sama ada perkataan-perkataan atau ayat yang berbunyi. "mereka sedang memperolehi keuntungan yang besar", adakah benar atau tidak. Kalau benar, tidakkah ini bermakna membenarkan baru-baru ini bagi kilang-kilang mereka menaikkan harga lagi hanya menolong mereka memperolehi keuntungan yang lebih besar lagi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi apa soalnya Yang Berhormat.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin hendak tanya sama ada perkataan-perkataan atau ayat yang berbunyi, "mereka sedang memperolehi keuntungan yang besar", itu adakah benar atau tidak?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian dan Kerajaan mengambil langkah untuk membenarkan kenaikan harga simen ini adalah berdasarkan kepada industri itu pada kese-

luruhannya dan oleh kerana ada banyak kilang-kilang mengeluarkan simen terpaksa-lah kita mengambil kedudukan keuntungan ataupun kerugian secara purata. Kalau Yang Berhormat inginkan detail berkenaan dengan keuntungan bagi syarikat-syarikat yang berkenaan, saya syorkan supaya berhubung terus dengan Pejabat Pendaftar Syarikat-syarikat dan di sana maklumat boleh diberi dengan bayaran sebanyak \$3. Kalau datang sendiri dan melalui pos \$5.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berkenaan kenaikan harga simen ini bukan sahaja ada berkaitan dengan tarif, sebab-sebab yang kilang-kilang selalu memberitahu kepada kita ialah simen-simen ini tidak cukup iaitu supply cannot meet demand. Saya ingin tahu adakah Kementerian berkuasa membuat siasatan di kilang-kilang ini menentukan actual production figure dan juga menentukan actual state of stock di dalam kilang-kilang itu dan juga adakah Kementerian ada kuasa menyiasat record and sales kilang-kilang itu oleh kerana langkah-langkah Kementerian berkenaan telah diambil berkenaan masalah disel hari ini berkesan dan saya ingat masalah disel pun sudah dikurangkan. Saya harap kalau kita ada kuasa seperti ini saya ingat masalah simen pun boleh dikurangkan. Adakah Kementerian kuasa menyiasat rekod-rekod kilang-kilang itu?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, simen adalah juga seperti disel satu barang kawalan. Jadi memanglah pihak Kementerian mempunyai kuasa penuh bukan sahaja untuk menyiasat apa yang berlaku di kilang-kilang yang berkenaan tetapi juga peraturan telah dibuat supaya pihak-pihak yang menjual dan membeli simen menghantar penyata bulanan ataupun penyata tertentu. Ini telahpun diambil tindakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 12. Y.B. Tuan Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 13.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal ini sekarang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

PENEROKA-PENEROKA FELDA

13. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa adalah tidak wajar dari segi kepentingan perpaduan negara sekiranya peneroka-peneroka di rancangan tanah FELDA sebahagian besarnya terdiri dari satu kaum; jika sedar, adakah beliau bercadang menambahkan pengambilan peneroka-peneroka dari kaum-kaum lain ke rancangan-rancangan tanah FELDA supaya membayangkan komposisi kaum penduduk negara ini.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, saya amatlah sedar bahawa untuk mencapai perpaduan rakyat di dalam negara memerlukan adanya berbilang kaum di dalam semua alam keaktifan ekonomi baik dari segi geography ataupun dari segi kegiatan. Inilah antara maksud usaha menyusun semula masyarakat yang menjadi salah satu matlamat Dasar Ekonomi Baru yang juga bertujuan menyatupadukan rakyat.

Persoalan ketidak seimbangan kaum di dalam FELDA adalah tidak tersendiri dari semua keadaan ketidakseimbangan kaum yang terdapat dalam sektor-sektor dan di tempat-tempat lain. Walau bagaimanapun, antara tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah juga untuk membasmi kemiskinan. Bagi mereka yang menggantungkan penghidupan kepada tanah dan pertanian, FELDA telah mencapai kejayaan yang besar untuk mengurangkan dan kemudiannya membasmi kemiskinan mereka. Usaha ini masih belum selesai dan masih terus dilakukan. Walaupun FELDA mungkin masih belum dapat membanggakan kejayaan dari segi memperbilangkan kaum di dalam rancangannya, kejayaannya untuk membasmi kemiskinan di kalangan peneroka sungguh mengagumkan.

Dalam melaksanakan program Kerajaan kita tidak boleh menunggu sehingga jumlah semua kaum untuk satu-satu rancangan itu sudah cukup, berbagai dan bilangan baharulah rancangan seperti FELDA dibuka kerana jika ini dilakukan maka kita akan melambat-

kan rancangan dan akhirnya usaha membasmi kemiskinan ini gagal kerana usaha memperbagai kaum secara memuaskan tidak dapat dilaksanakan malah jika cara ini dilakukan maka kota-kota juga tidak akan tumbuh di negara ini tanpa huruhara.

Keadaan di dalam FELDA tidaklah menambah atau memberatkan lagi keadaan penyusunan masyarakat di negara kerana komposisi kaum di FELDA didapati hampir-hampir sama dengan komposisi kaum di kampung-kampung tempat mereka datang. Perubahan hanya dari segi geography.

Dalam melaksanakan rancangan FELDA Kerajaan tidak berdiskriminasi dari segi kaum. Kerajaan juga tidak berminat memaksa mana-mana pihak untuk meninggalkan aktiviti ekonomi mereka yang menguntungkan sekarang dengan berpindah ke rancangan-rancangan tanah kerana di dalam demokrasi kita tidak boleh memaksa orang walaupun untuk menjadi lebih mewah. Pihak Yang Berhormat Menteri dan saya sendiri telah berulang kali menegaskan perkara ini di dalam dan di luar Dewan ini. Sementara Yang Berhormat Menteri sedang berusaha untuk meneliti apa-apa halangan yang mungkin terdapat bagi memudahkan memasukkan peneroka tetapi sebarang kemudahan lama dan baru dari segi syarat dan teknik tetap terbuka kepada semua kaum.

Sebarang halangan yang terdapat dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri adalah selaras dengan kuasa yang diberi oleh Perlembagaan dan tidak terbatas kepada kaum keturunan Cina dan India tetapi termasuk juga orang-orang Melayu. Kemasukan semua kaum ke dalam rancangan FELDA bergantung kepada jumlah pemohon yang berminat. Itulah sebabnya sekarang ini jumlah pemohon yang berjaya dari kaum India adalah lebih ramai dari jumlah kaum Cina.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu baru-baru ini penduduk-penduduk di kawasan saya yang terdiri dari orang-orang Melayu ada menulis surat kepada FELDA memohon borang-borang untuk memasuki FELDA tetapi mereka ini gagal untuk mendapat borang permohonan dan diberitahu setakat hari ini masih ada lebih daripada 20,000 orang dalam senarai menanti FELDA. Jadi saya ingin bertanya

kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada FELDA akan memberi keutamaan kepada mereka yang telah memohon iaitu 20,000 orang yang ada di dalam list FELDA ataupun FELDA akan memberi juga peluang-peluang kepada orang-orang baru untuk memohon.

Tuan Sanusi bin Junid: Mereka yang sedang menunggu sehingga 27hb Oktober, 1979 ialah 11,158 orang. Orang-orang ini perlu diberi peluang dahulu sebelum orang-orang baru masuk. Walau bagaimanapun, di Pahang bagi bekas-bekas angkatan bersenjata peluang-peluang masih terbuka sebagaimana juga peluang terbuka untuk anak-anak Pahang.

Tuan Chan Teck Chan: Untuk perpaduan rakyat di skim-skim FELDA apakah tindakan akan diambil oleh Yang Berhormat supaya ketidak seimbangan ini dikurangkan umpamanya menurut perangkaan dibuat di bulan April, 1976 bilangan kaum di antara bumiputra dan bukan Melayu, bumiputra adalah melebihi 92% dan bukan Melayu kurang daripada 8%. Apakah tindakan yang konkrit akan diambil untuk Kementerian supaya pada masa-masa yang akan datang bahawa keutamaan boleh diberikan kepada pemohon-pemohon bukan Melayu?

Tuan Sanusi bin Junid: Tindakan yang perlu diambil bukan oleh Kementerian tetapi oleh rakyat jelata yang menginginkan tanah-tanah di rancangan. Oleh itu tanggungjawab Yang Berhormat dengan saya adalah sama berat untuk menggalakkan semua kaum membuat permohonan dengan secukupnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa puak DAP ini memikirkan perpaduan kaum dari segi faedah puaknya sahaja, tidak mahu mempersoalkan 80% kekayaan ekonomi dalam negara ini telah dibolot atau dikuasai oleh satu kaum. Adakah peneroka FELDA ini diutamakan kepada kaum bumiputra, kerana selama berkurun-kurun kaum bumiputra ini ditindas oleh bangsa yang mendatang dan hidupnya di dalam keadaan kemiskinan selama-lamanya?

Tuan Sanusi bin Junid: Tiada dalam syarat FELDA, harus menjadi kaum bumiputra sebelum mendapat peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pecahan kaum mengenai senarai penunggu-penunggu yang ada disebutkan tadi lebih daripada 11,000 orang?

Tuan Sanusi bin Junid: Saya hanya mempunyai total, jadi saya perlu notis untuk pecahan.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak bahawa permohonan yang diterima dari kaum-kaum lain untuk menyertai FELDA adalah sedikit sahaja dan setengah daripadanya tidak cukup syarat?

Tuan Sanusi bin Junid: Itu memanglah terkandung di dalam jawapan saya di mana pemohon-pemohon daripada bukan Melayu adalah begitu sedikit sehingga sekarang ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya salah satu daripada syarat memasuki FELDA ialah tidak melebihi umur 35 tahun. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan apakah akan terjadi kepada nasib 11,158 orang yang sedang menunggu itu sekiranya mereka itu melampaui had 35 tahun apabila peluang mereka tiba?

Tuan Sanusi bin Junid: Mereka masih boleh masuk kerana setakat umur itu adalah pada waktu mereka menghadiri temuduga.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu sama ada atau tidak permohonan-permohonan daripada orang-orang yang bukan bumiputra yang ingin menukarkan kegiatan ekonomi mereka daripada perniagaan yang persaingan yang ada di bandar mereka ingin menukar corak hidup mereka dan meminta untuk masuk ke rancangan-rancangan FELDA bagi mengubah cara hidup mereka?

Tuan Sanusi bin Junid: Kita belum menerima sebarang permohonan dengan tujuan tersebut.

Tuan Yusuf bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Memandangkan daripada soalan ini se olah-olah pihak DAP menuduh bahawa FELDA untuk segolongan kaum sahaja iaitu

kaum bumiputra, tetapi soalan saya adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ada pemohon-pemohon yang bukan bumiputra sesudah mereka duduk dalam FELDA mereka melarikan diri, dan kalau Yang Berhormat tidak sedar, saya ada bukti dalam kawasan saya, tolong beritahu DAP.

Tuan Sanusi bin Junid: Saya sedar bahawa sebahagian besar daripada mereka-mereka yang datang ke FELDA apabila berada di sana mempunyai hasrat menjalankan aktiviti ekonomi yang lain di tempat di luar rancangan-rancangan FELDA dan banyak yang telah meninggalkan rancangan FELDA sebagaimana saya katakan tadi, walaupun di dalam Dewan di pihak Pembangkang lebih ramai pembangkang keturunan Cina daripada India tetapi lebih ramai yang berjaya dari keturunan India daripada Cina di rancangan-rancangan FELDA.

PELARIAN FILIPINO

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pelarian Filipino yang telah masuk ke Sabah dalam tempoh sepuluh bulan pertama dalam tahun 1979 dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menamatkan penghijrahan pelarian Filipino ke Sabah yang telah mendatangkan kesan yang buruk ke atas penghidupan orang-orang Sabah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mengumpulkan angka-angka ini adalah sukar dan terlambat, saya akan minta izin untuk menghantar bilangan angka ini secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Soalan yang kedua dalam soalan ini ialah apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menamatkan pelarian Filipino ke Sabah yang telah mendatangkan kesan yang buruk ke atas penghidupan orang-orang Sabah. Kalau saya tujukan soalan yang kedua, iaitu apakah kesan yang buruk, saya terlintas dalam kepala saya iaitu kesan yang buruk yang boleh diukur daripada segi penjenayah umpama—itu satu daripada kesan yang buruk. Kalau saya ambil jenayah bunuh, rogol, rompak, pecah rumah dan curi dan lain-lain kecurian, kalau ini jenisnya, daripada tahun 1975 hingga 1978 jenayah yang berlaku di Sabah adalah 9,003 kes,

yang dilakukan oleh orang pelarian ini 358. Pada tahun ini 1,862 kes, yang dilakukan oleh orang pelarian ini 68. Jadi saya rasa kesannya tidak begitu besar peratusannya se olah-olah kerana adanya orang-orang pelarian ini maka banyaklah jenayah. Kalau daripada soal pekerjaan pula, umpamanya adakah mereka ini menyebabkan susah rakyat Malaysia mendapatkan pekerjaan, ini adalah sebaliknya. Mereka ini dapat membantu Sabah di dalam pekerjaan terutama sekali di daerah-daerah pedalaman. Bagi satu pihak soalan ini iaitu apakah tindakan yang telah diambil untuk menamatkan pelarian, ini soalnya. Tindakan yang diambil untuk menamatkan pelarian ini iaitu kita pandang bahawa Kerajaan sentiasa menyokong semua usaha termasuk Persekutuan Tripoli yang boleh menyelesaikan masalah di Selatan Filipina kerana pada pendapat kita kalau berhenti persengketaan di Selatan Filipina itu berhentilah orang lari dari tempat itu. Itulah tindakan yang kita ambil.

BANGUNAN MARA—KEROSAKAN

15. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan hasil kajian mengenai Bangunan MARA di Jalan Tuanku Abdul Rahman yang dikatakan tidak boleh digunakan dan apakah punca-punca kerosakan bangunan tersebut dan pihak manakah yang bertanggungjawab mengenyainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, dua soalan yang serupa telahpun ditimbulkan dalam Dewan ini pada 29hb Mac, 1979. Satu oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan satu lagi oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah dikemukakan baginya.

KEWARGANEGARAAN— PERMOHONAN

16. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan hingga bulan Oktober, 1979 ini, berapakah permohonan kewarganegaraan telah diterima tapi sedang dalam proses pertimbangan, sila beritahu komposisi kaum dari pemohon-pemohon kerakyatan tersebut dan berapakah

peratusan daripadanya telah melebihi 10 tahun, 7 tahun, 5 tahun dan 2 tahun masih belum lagi diluluskan permohonan kewarganegaraannya, sila nyatakan sebab musabab yang permohonan ini tidak dapat disegerakan permohonannya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan permohonan kewarganegaraan yang telah diterima sejak sehari selepas hari Merdeka sehingga sekarang iaitu antara 1hb September, 1957 sampai 31-10-1979 ialah sebanyak 2,365,478 permohonan. Dari jumlah tersebut sebanyak 2,343,185 permohonan telahpun selesai diambil tindakan dan jumlah yang masih di dalam proses pertimbangan adalah sebanyak 22,293 permohonan iaitu bersamaan dengan 0.95% yang tinggal baki-nya. Saya tidak dapat memberi komposisi tersebut mengikut kaum oleh kerana pihak kami tidak menyimpan rekod mengikut pecahan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 22,293 permohonan yang masih di dalam proses pertimbangan, 3.08% telah mengambil masa melebihi dari 10 tahun; 19.57% melebihi 7 tahun; 14.64% melebihi dari 5 tahun dan 62% melebihi 2 tahun.

Berhubung dengan bahagian terakhir soalan Yang Berhormat itu, sukacita saya menyatakan sekali lagi bahawa pemberian kewarganegaraan ini kepada seseorang pemohon itu adalah sebagai satu anugerah kehormatan yang sangat tinggi nilainya. Oleh itu, setiap permohonan adalah perlu dikaji dengan teliti untuk menentukan bahawa si pemohon benar-benar patut menjadi warganegara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 adalah diberi di bawah ini)

JALAN-JALAN KECIL DI LUAR BANDAR—PEMBINAAN

12. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalan-jalan kecil menghala ke kampung-kampung di kawasan-kawasan luar bandar perlu diperbaiki selalu dan di setengah-setengah kawasan terutama

sekali di Silam jalan-jalan baru perlu dibina untuk menghubungkan kampung-kampung dengan pekan-pekan bagi memudahkan perjalanan bagi rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Jika ya, sama ada Kementerian ini bercadang untuk menambah peruntukan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

Perdana Menteri: Kerajaan sentiasa memberi keutamaan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur kepada penduduk kampung melalui pelbagai rancangan Pembangunan Luarbandar. Di bawah RMT (1976-1980) peruntukan sebanyak \$22.180 juta telah diluluskan untuk kerja-kerja kecil yang termasuk juga projek-projek membina dan membaiki jalan-jalan kampung. Daripada jumlah tersebut negeri Sabah telah mendapat sebanyak \$3.3 juta. Disamping itu Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan kepada negeri tersebut bagi jalan-jalan kampung melalui bekalan 30 yunit jentera yang bernilai \$2.14 juta dan juga peruntukan penyenggaraan sebanyak \$8.532 juta.

Dengan demikian buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk menambahkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri kerana peruntukan yang ada adalah mencukupi.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Galakan Pelaburan, 1968; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1979.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1979.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen-kecil (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1979.
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1979.
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1979.
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 1979.
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 1979.
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1979.
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1979.
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1979.
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1979.

(x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1979.

(xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1979.

(xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1979.

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. ST 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, dan 80 tahun 1979 disahkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1979 adalah bertujuan untuk mengenakan duti eksport atas getah jenis "carbon black masterbatch" di bawah nombor kepala tarif 4.005 100, 40.05 500, 40.05 600 dan 40.05 900. Kadar duti eksport atas bahan ini adalah sama seperti duti yang dikenakan atas getah jenis lain. Langkah ini adalah untuk menggalakkan perusahaan berasaskan getah memproses bahan getah "masterbatch" di negara ini dijadikan barang kegunaan terus.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1979 adalah bertujuan untuk mengadakan tarif baru bagi "dual purpose vehicles" yang diimport dalam bentuk baru dan terpakai tanpa mengubah kadar duti importnya yang sedia ada sebanyak 30%. Langkah ini adalah untuk mendapatkan perangkaan yang berasingan bagi kenderaan tersebut yang diimport secara baru dan terpakai.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1979 adalah bertujuan untuk mengadakan satu nombor kepala yang berasingan dalam perintah Duti Kastam 1978 bagi balang gas yang digunakan untuk mengisi semula gas di dalam pemetik api, dengan memecahkan kepala tarif No. 73.24, supaya ianya tidak dikenakan duti. Pada masa ini balang seperti ini adalah terjatuh di bawah nombor kepada tarif 73.24 900 yang dikenakan duti sebanyak \$15. Duti ini adalah bertujuan untuk memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan yang mengeluarkan balang gas yang digunakan bagi memasak. Balang gas untuk pemetik api tidak dikeluarkan di negara ini. Pemecahan ini adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual kepada Perintah tersebut yang telah disampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1979 adalah bertujuan untuk mengenakan duti eksport sebanyak 30% ke atas kebel yang bersalut kertas yang mempunyai kuasa

sehingga 3.3. kilovolt (kv) di bawah nombor kepala tarif 85.23 231 dan 239. Langkah ini ialah untuk memberi perlindungan tarif kepada perusahaan tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1979 adalah bertujuan mengenakan duti import sebanyak 33 sen se kilogram ke atas "synthetic resin emulsions" di bawah nombor kepala-kepala tarif 39.02 412, 712 dan 913. Pada masa yang sama juga kadar duti import 33 sen sekilogram bagi barang yang sama yang jatuh di bawah nombor kepala-kepala tarif 39.02 411, 511, 611 dan 923 adalah dibatalkan, tujuannya ialah untuk membetulkan kesilapan yang telah berlaku ke atas pengenaan duti import tersebut bagi barang yang sebenar yang dikeluarkan di negara ini. Langkah ini adalah bagi membantu perusahaan tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1979 adalah bertujuan untuk mengurangkan duti import dari \$992.08 se metrik tan kepada 25% atau 75 sen se kilogram yang mana lebih tinggi ke atas keping-keping aluminium di bawah nombor kepala tarif 76.03 100 dan 200 dan mengurangkan duti import dari 30% kepada 20% ke atas "aluminium extrusions" di bawah nombor kepala tarif 76.02 900 dan 76.06 000. Langkah ini dibuat berikutan dengan satu kajian yang dilakukan ke atas perusahaan membuat barang-barang ini yang lama diberikan perlindungan tarif. Adalah wajar tingkat perlindungan tarif tersebut dikurangkan seperti yang dinyatakan itu.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1979 adalah bertujuan mengurangkan duti import dari \$50 kepada \$5 satu, ke atas "long-bath" di bawah nombor kepala tarif 39.07 220, 69.10 100 dan 73.38 210. Langkah ini diadakan kerana perusahaan membuat barang tersebut telah pun memberhentikan pengeluarannya. Oleh itu perlindungan tarif tersebut tidak lagi diperlukan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1979 adalah bertujuan mengenakan duti import sebanyak 20 sen se kilogram ke atas "amino acids in primary form" (bahan kimia untuk perusahaan kain) di bawah nombor kepala tarif 39.01 310. Tujuannya ialah untuk memberi bantuan tarif kepada perusahaan ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1979 adalah bertujuan untuk menaikkan duti import dari kadar 20% kepada 30% atau

\$430 se metrik tan, yang mana lebih tinggi, ke atas "phosphorous pentoxide and phosphoric acids" di bawah nombor kepala tarif 28.10 000. Ini adalah merupakan langkah memberi bantuan tarif kepada perusahaan tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1979 adalah bertujuan untuk menaikkan duti import dari 15% kepada 30% atau 80 sen se kilogram (kg), yang mana lebih tinggi ke atas "ceramic tableware" di bawah nombor kepala tarif 69.11 000 dan 69.12 100 dan 900. Tujuannya ialah untuk memberi perlindungan tarif kepada perusahaan membuat barang tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1979 adalah bertujuan untuk melanjutkan pengenaan duti import sebanyak 20% ke atas "domestic electrical accessories" yang mempunyai kuasa lebih dari 10 amps tetapi kurang dari 16 amps. Langkah ini bertujuan untuk memberi perlindungan tarif kepada perusahaan tempatan kerana pengeluaran barang-barang tersebut oleh kilang-kilang tempatan sekarang ini meliputi sehingga 16 amps.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1979 adalah bertujuan untuk menyusun semula kadar duti import sebanyak 25% ke atas "alternators" atau "A.C. generators" dan "dynamos" atau "D.C. generators" yang mempunyai kuasa sehingga 120 kilowatt (kw.). Pengenaan duti import ini adalah bertujuan untuk membantu perusahaan tempatan yang membuat barang-barang tersebut yang pada masa sekarang ini boleh mengeluarkan sehingga 120 kilowatt (kw.).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, di sejutukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen-kecil (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1979.

- | | |
|---|--|
| (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 6) 1979. | <i>Maksud B. 23—(Jadual)</i> |
| (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 7) 1979. | <i>Maksud P. 23 (Anggaran Pembangunan,
1980)</i> |
| (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 8) 1979. | <i>3.48 ptg.</i> |
| (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 9) 1979. | Setiausaha Parlimen Kementerian Perusaha-
sahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin
Datuk Thamby Chik): Tuan Pengerusi,
penyiasatan Kajibumi, Jumlah peruntukan
yang diperlukan untuk siasatan kajibumi
dalam tahun 1980 ialah \$11,798,289. Pecahan-
nya adalah seperti berikut: |
| (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 10) 1979. | (i) \$10,113,886 bagi Semenanjung Malay-
sia; |
| (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 11) 1979. | (ii) \$1,211,840 bagi Negeri Sarawak; |
| (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 12) 1979. | (iii) \$472,563 bagi Negeri Sabah. |
| (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 13) 1979. | KERJA-KERJA yang dirancang bagi tahun
1980 termasuklah penyiasatan lebih lanjut ke
atas kajian-kajian awal bagi mencari timah
dan lain-lain logam di pinggir pantai Semen-
anjung Malaysia. Satu penyiasatan yang di-
anjurkan dalam tahun ini antara Ogos hingga
November dengan bantuan teknikal dan ke-
wangan Republik Persekutuan Jerman
umpamanya adalah ekoran daripada tanda-
tanda potensi timah yang baik, hasil daripada
kajian awal di Selat Melaka. |
| (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 14) 1979. | |
| (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 15) 1979. | |
| (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(No. 16) 1979. | |

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. ST. 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, dan 80 tahun 1979 disahkan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Kelima).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Sila sambung semula ucapan Yang Berhormat dalam peringkat Jawatankuasa.

Kajian-kajian geohidrologi yang dilaksanakan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi telah berjaya mengesan bekalan-bekalan air bawah tanah untuk beberapa tempat seperti Chetok, Rantau Panjang, Machang, Meranti dan Tanah Merah di Kelantan. Bekalan-bekalan air bawah tanah di Pulau Langkawi, Sungai Ular di Pahang dan Kampung Panji di Kelantan telah juga disiasat dan keputusannya adalah amat memuaskan.

Penyiasatan punca air seperti di atas juga dijalankan di Negeri Sarawak terutamanya di kawasan-kawasan pantai. Dalam tahun 1980 penyiasatan yang lengkap akan dijalankan di kawasan Matu-Daro dan Kabong.

Dalam tahun 1980 juga Jabatan Penyiasatan Kajibumi Sarawak melalui projek "penyiasatan galian Radioaktifnya" dijangka akan dapat menyelesaikan kajian terutamanya mengenai uranium di Barat Sarawak bagi menentukan kawasan-kawasan untuk penyelidikan lanjut. Dalam hubungan ini Jabatan berkenaan akan menerima kerjasama daripada "International Atomic Energy Agency" dalam bentuk khidmat beberapa orang pakar.

Di Sabah pula Jabatan Penyiataan Kajibumi akan terus melaksanakan projek-projeknya seperti penyiataan menentukan galian. Satu penyelidikan logam ke atas kawasan "volcanic" di Tawau oleh seorang pakar kajibumi dari Jepun yang bermula pada penghujung tahun 1978 akan diteruskan dalam tahun 1980. Bidang kerja biasa Jabatan ini iaitu pemetaan, akan juga dilaksanakan ke atas kawasan-kawasan Gunung Meliau, Lembah Labuk dan Gunung Silam di Pantai Timur Sabah.

Galian

Jabatan Galian Malaysia memerlukan sebanyak \$2,290,371 dalam tahun 1980 untuk melaksanakan program-program pembangunannya. Projek-projeknya adalah seperti berikut:

- (i) Penilaian Bijih Timah dalam kawasan rezab Melayu.
- (ii) Penubuhan Makmal Geoteknik.
- (iii) Perkembangan Institiut.
- (iv) Lombong Percubaan.
- (v) Penubuhan Pusat Penyelidikan dan Kemajuan Timah Rantau Asia Tenggara.

Sebanyak \$822,482 adalah diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja penilaian bijih timah di kawasan-kawasan rezab Melayu. Jabatan Galian akan terus menyiayat secara lebih teliti kawasan-kawasan yang telah dicarigali secara kasar untuk menilai potensi kawasan berkenaan.

Projek penubuhan makmal Geoteknik memerlukan \$497,289 untuk tahun 1980. Dengan terdirinya makmal ini, Jabatan Galian akan dapat melaksanakan kajian-kajian bagi memastikan kestabilan muka-muka lombong yang berhampiran dengan jalanraya, landasan keretapi dan bangunan-bangunan. Ini adalah penting bagi menjamin keselamatan kerja melombong dan lain-lain kepentingan yang mungkin terlibat. Makmal ini juga akan mengkaji cara-cara membina empangan-empangan di kawasan hampas lombong supaya satu panduan yang lebih teratur dapat diperolehi.

Projek perkembangan Institiut pula memerlukan sebanyak \$253,100. Ini adalah bertujuan untuk membeli alat-alat kelengkapan tambahan untuk kerja-kerja penyelidikan selaras dengan penyusunan semula Institiut.

Untuk melaksanakan projek lombong Percubaan sebanyak \$250,000 adalah dikehendaki dalam tahun 1980. Projek ini melibatkan penubuhan dan pengendalian sebuah lombong pam kelikir dengan tujuan mendapatkan cara yang berkesan meninggikan pengeluaran bijih timah di samping menurunkan kos pengeluaran; meninggikan kecekapan di bidang perusahaan perlombongan; dan menjalankan kajian-kajian keselamatan berhubung dengan kerja-kerja melombong dan seterusnya menggalakkan penyertaan bumiputra di bidang perlombongan. Kerja-kerja asas ke arah penubuhan Pusat Penyelidikan dan Kemajuan Timah Rantau Asia Tenggara sedang dijalankan. Bangunan tersebut dijangka akan siap dalam tahun 1980. Bagi maksud ini sebanyak \$467,500 adalah diperlukan.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan belanja mengurus tahun 1980 bagi Kementerian Perusahaan Utama sebanyak \$24,098,400 dijadikan sebahagian daripada jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1980 dan peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun yang sama sebanyak \$50,509,647 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 23 dan Maksud Pembangunan P. 23 di bawah Kementerian Perusahaan Utama sekarang terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

3.54 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan. Saya bercakap dalam B. 23 Aktiviti (1)—Pentadbiran Am, Pasaran Bahan Utama dan Bahan Utama Lain.

Tuan Pengerusi, saya amatlah berharap supaya Kementerian ini berusaha lebih giat lagi dengan bersungguh-sungguh supaya segala bahan-bahan utama yang dikeluarkan dalam negara kita Malaysia seperti getah, kayu dan sebagainya. Dan saya berharap sangat di samping Kementerian ini akan memasarkan bahan-bahan itu hendaklah mengkaji dua hala, iaitu hala untuk kepentingan negara dan hala untuk keuntungan.

Maksud saya begini, kalaulah bahan-bahan itu tidak begitu cukup dalam negara kita Malaysia, saya contohkan seperti kayu patutlah diteliti dengan sungguh-sungguh. Kerana hari ini, Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa kayu boleh dikatakan tidak cukup dalam negara kita Malaysia dan ada setengah-setengah pihak yang berkenaan telah menyalahgunakan kebenaran-kebenaran yang diberi oleh Kementerian berkenaan. Misalnya, kayu yang telah tidak dibenarkan dieksport tetapi di samping itu ada juga kayu yang tidak dibenarkan itu ditumbangkan sama. Jadi saya harap sangat-sangatlah pihak pengkuatkuasa supaya meneliti betul-betul perkara ini jangan kata orang kera di hutan kita susukan, sedangkan anak tempatan sendiri tidak cukup kayu dan banyak sangat kekurangan kayu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya berharap sangat Kementerian ini juga berunding ataupun berhubung rapat dengan semua Atase-atase Perdagangan kita di luar negeri supaya bahan-bahan kita mendapat tempat yang istimewa sebagaimana dibuat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya bukanlah berkata Kementerian ini tidak baik, dan Kementerian Perdagangan itu baik. Tetapi kerap kali kita dapati daya usaha mencari pemasaran hari ini banyak dibuat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya haraplah juga Kementerian Perusahaan Utama ini pun kerana kita tahu apa yang patut kita keluar mengarahkan cara bersesuaian dengan masa dan apa yang dipandang patut supaya tiap-tiap negeri dapat tahu apa yang ada di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini juga, sebagaimana kita sama maklum, getah adalah satu hasil utama kita yang banyak digunakan oleh bangsa-bangsa lain. Saya dapat tahu satu ketika dulu, perundingan getah ini akan diadakan di Kuala Lumpur, kalau tidak silap masa itu Yang Berhormat Menteri ialah yang menjadi Menteri Pelajaran sekarang ini dan Timbalannya sekarang ini mengambil tempat berkenaan sebagai Menteri Perusahaan Utama. Jadi kita berharap sangatlah buat kata orang tempat kita mengeluarkan getah biarlah segala perundingan berkenaan dengan getah yang bersangkutan dengan dunia dan sebagainya patut kita tarik supaya perundingan itu diadakan di tempat kita kerana kitalah yang mengeluarkan getah yang terbanyak sekali dalam dunia.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga getah saya percaya, kita dapat hasil yang banyak, daripada kita kenakan cukai dan sebagainya sebagaimana padi dan perkara-perkara lain. Biasanya dijual secara haram maka getah ini pun kadang-kadang telah menjadi juga sebagaimana perkara-perkara lain. Kalau minyak, padi dan kayu diseludup maka tidak kurang getah ini pun diseludup ke setengah-setengah negeri. Jadi saya berharap sangatlah supaya pengawasan ketat tambah-tambah lagi negeri yang berhampiran dengan sempadan supaya diawasi betul supaya kita dapat menambahkan cukai dan perkara yang curang itu dapat kita hapuskan.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya harap sangat pihak Kementerian ini berhubung rapat dengan RISDA walaupun RISDA di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sekarang dan getah pula di bawah RISDA dan manakala pekebun-pekebun getah pula di bawah Kementerian ini. Jadi saya harap dapat berhubung rapat.

Satu lagi berhubung dengan Pusat Penyelidikan Getah (RRI). Saya berharap satu-satu perkara yang kita selidik misalnya benih yang baik, begitu juga pemotong yang baik; patutlah perkara itu pada keseluruhannya diketahui umum termasuk pekebun-pekebun kecil sampai ke kampung-kampung. Saya amat dukacita, Tuan Pengerusi, hari ini kadang-kadang pihak RRI menyelidik benih ini baik, patut ditanam, tetapi orang kampung tidak tahu, pekebun kecil tidak tahu. Begitu juga saya dapat tahu ada satu jenis pemotong moden dibuat macam kasut, letak dia toreh dengan sendiri, tidak payah ditoreh dengan tangan. Tetapi orang kampung tidak tahu perkara ini. Jadi saya berharap apa yang diselidiki oleh pihak RRI didapati baik untuk getah, janganlah terhad kepada estet-estet dan pekebun-pekebun besar sahaja dan perkara ini termasuklah juga kepada pekebun-pekebun kecil yang banyak terdapat di luar-luar bandar. Itu saya harap sangat-sangat, seperti kata pepatah kalau pokok itu baik, tidak berbuah tidak menjadi apa. Ilmu pun kalau tidak diamalkan sebagaimana pokok yang tidak berbuah. Jadi perkara yang baik ini jikalau tidak diberitahu kepada orang kampung, tidak berfaedah. Saya berharap sangat penduduk-penduduk di luar bandar

ini dapat tahu sama. Jadi banyak perkara-perkara yang baharu yang pekebun-pekebun kecil ini tidak tahu, ini saya berharap sangat supaya diperhatikan.

Begitu juga, saya dapat tahu berkenaan dengan susu cair getah, kalau dibuat dengan tidak bertakong, ia akan dapat harga yang lebih baik. Dengan sebab itu, saya syorkan supaya dibanyakkan lagi ejen-ejen penakongan dan penjualan getah cair dengan pengawalan yang ketat. Kadang-kadang kalau kita tidak dikawal semasa penjualan itu, timbul pula berlaku penipuan, jadi pengawalan dari segi itu diperbanyakkan lagi. Begitu juga saya harap baja-baja yang dihantar kepada pekebun-pekebun kecil itu diselidiki betul-betul supaya jangan ada setengahnya salah guna. Kadang-kadang baja yang 100% misalnya patut digunakan untuk getah, ada setengahnya dia hendak kurangkan baja itu supaya kurang kos tetapi ditambah dengan baja lain. Ini oleh kerana dia hendak untung lebih. Jadi, saya harap benda ini diawasi betul-betul supaya tidak berlaku perkara yang semacam itu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin, menyentuh mengenai perhutanan di dalam Aktiviti (3). Bagaimana kita tahu walaupun negara kita ini hutannya luas tetapi lama kelamaan apabila ia selalu ditebang, saya percaya satu hari nanti akan hilang kerana banyak orang menjadi kaya, jadi pembalok dan sebagainya. Kita tahu kayu ini mustahak sangat, baik dalam negeri mahupun di luar negeri yang masih berkehendakkan sangat kayu daripada negara kita. Saya percaya aturannya ialah selepas ditebang pokok itu ianya hendak ditanam semula. Saya harap aturan ini mestilah dikuatkuasakan, tiap-tiap satu tempat yang dibalak atau diambil kayunya itu mestilah ditanam dengan secepat-cepatnya dan kalau boleh dicari kayu-kayu yang lebih moden lagi atau yang lebih baik lagi. Dalam zaman sains dan teknologi ini, saya rasa dalam segenap segi tumbuhan, lebih baik, kalau kita cari. Maknanya benih yang baik itu tahan lama dan kalau ditanam pula, cepat tumbuh dan cepat ditebang. Ini kita cuba ikhtiarkan. Saya takut di satu masa nanti kalau ianya tidak ditanam semula, kayu-kayu ini akan habis. Saya percaya sumber alam ini juga ada sangkutannya dengan kayu. Dahulu semasa saya kecil-kecil, banjir ini jarang sangat berlaku tetapi

keadaan pokok semua tidak ada, keadaan banjir berlaku, kadang-kadang dengan tidak ada musim, jadi ini hendaklah diawasi.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan P.23 iaitu padi, bahan utama negara ini begitu juga Butiran 4—Lembaga Tembakau Negara. Tembakau ini walaupun ditulis pada rokok itu, katanya, jangan hisap rokok—merbahaya termasuk saya sendiri tak boleh hidup, kerana benda ini merbahaya tetapi masih digunakan juga. Walau bagaimanapun, sebagaimana kita maklum, ada negeri-negeri yang terhad mata pencariannya.

Saya percaya di Johor ada tanaman koko, nenas, lada hitam dan sebagainya, kalau pun tidak banyak termasuk Sabah dan Sarawak tetapi bagi kami di utara iaitu Kedah, Perlis termasuk Kelantan dan Trengganu, kalau tidak silap saya, koko dengan lada hitam ini jarang didengar, yang didengar pun pada masa yang lepas ialah padi. Dan ada hasil baharu yang digemari oleh Kementerian Perusahaan Utama ialah tembakau. Tembakau adalah menjadi satu bahan. Saya berani berkata di antara tembakau dengan padi hari ini yang ada mengusahakannya ialah di empat buah negeri, iaitu Kedah, Perlis khasnya di Kelantan dan Trengganu, negeri lain pun ada tetapi tidak begitu banyak. Negeri-negeri yang saya sebutkan itu boleh dikatakan seimbang, tetapi kalau dikaji secara mendalam, hasil tembakau adalah lebih baik daripada padi. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, ramai penduduk-penduduk negeri Kedah, Perlis berlumba-lumba hendak menanam tembakau. Di atas daya usaha Lembaga Tembakau Negara ini, saya mengucapkan banyak terima kasih. Cuma saya berharap satu sahaja, satu-satu tanaman ini ia berkehendakkan kepada beberapa aspek seperti baja, hawa, air, cuaca panas, angin dan juga bersangkutan dengan tanaman. Tanaman pun ada musim, kalau tidak ada angin, tidak ada air, ia tidak boleh hidup. Ini kerap kali berlaku. Kadang-kadang tanaman tembakau ini menjadi-jadi kerana hawa yang saya katakan tadi amat baik, panas pun tidak begitu sangat dan hujan pun tidak begitu lebat.

Pada bulan April 1979 ini, saya masih ingat banjir menjadi-jadi pada masa itu, penanam-penanam tembakau di Kedah, Perlis termasuk juga Kelantan, kalau tidak

silap saya, menanggung kerugian yang terlampau banyak Pihak Lembaga Tembakau Negara telah berusaha bersungguh-sungguh tetapi bila kerugian menimpa ke atas penanam-penanam itu, bantuan subsidi patutlah diberikan kepada mereka. Ini bukan sahaja bantuan subsidi kepada tembakau tetapi juga kepada padi. Ini saya harap patutlah ditimbangan. Saya pernah bercakap dalam Soal Jawab bertanya Yang Berhormat Menteri, katanya ianya akan diberi pertimbangan. Hari ini saya tidak mahu diberi pertimbangan tetapi diberi terus kepada petani-petani ini, kerana mereka adalah orang susah yang perlu diberi pertolongan.

Tuan Pengerusi, tembakau ini banyak ditanam di negara kita, tetapi kita masih lagi mengimpot dari negeri lain, kadang-kadang kita mengimpot cara yang baik, orang bawa masuk secara haram. Saya dapat tahu daripada negeri jiran kita kadang-kadang di samping ia bawa masuk tembakau, ia juga bawa masuk benda-benda yang membahayakan kita. Dengan sebab itu, atas daya usaha petani-petani di sebelah utara Malaysia, saya berharaplah sokongan yang bersungguh-sungguh, bantuan masa yang perlu terutama masa banjir, Pejabat Pertanian hendaklah membantu petani-petani yang saya sebutkan itu. Saya berharap Kementerian Perusahaan Utama dapat ikhtiarkan usaha seperti itu.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kemaman.

4.08 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Bekalan B. 23, Butiran 1100, muka surat 147, Aktiviti (3) (b)—Pengurusan Sumber Utama.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan aktiviti ini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kementerian ini bagi mengurus sumber hutan dengan cara yang lebih menguntungkan negara kita terutama sekali di dalam suasana negara kita menghadapi kekurangan kayu balak. Saya tertarik hati dengan cara

baharu yang diperkenalkan oleh Kementerian ini di dalam menguruskan penebangan hutan ini. Cara baharu yang saya maksudkan ini ialah Sistem Pengurusan Memilih (Selective Management System) ataupun (bi-cyclic system) di mana saya telahpun menyentuh sedikit sebanyak dalam ucapan perbahasan Belanjawan baharu-baharu ini.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh sedikit lagi berhubung dengan sistem ini. Pertama, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian ini kepada syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat perkayuan sebagaimana yang terdapat di dalam Forest Concession Agreement. Di antaranya ialah dalam tempoh 4 tahun Forest Concession Agreement ini ditandatangani satu Perancangan Pengurusan Hutan (Forest Management Plan) dan Perancangan Kerja Lima Tahun (Five-year Working Plan) hendaklah disediakan dan perlu mendapat kelulusan daripada Pengarah Perhutanan Negeri. Rancangan Pengurusan Hutan dan Perancangan Kerja Lima Tahun ini di antara lain hendaklah berdasarkan kepada data-data bancian hutan yang lengkap sementara perancangan kerja lima tahun yang berikutnya pula hendaklah disediakan dan dihantar kepada Pengarah Perhutanan Negeri untuk mendapatkan kelulusan dalam tempoh 6 bulan sebelum perancangan kerja lima tahun yang pertama tadi habis tempohnya.

Kedua, Tuan Pengerusi, sebagaimana yang terdapat dalam Forest Concession Agreement, luas kawasan yang dibenarkan ditebang tiap-tiap tahun dihadkan hanya seluas 2,000 ekar sahaja, iaitu lebih kurang 10,000 ekar dalam masa perancangan kerja lima tahun. Saya rasa syarat-syarat yang saya katakan ini adalah agak membebankan syarikat-syarikat yang menerima kawasan perjanjian hutan ini kerana mereka ini tidak mempunyai kakitangan yang berkemahiran dan juga berpengalaman dan demikian juga dengan kawasan hutan seluas 2,000 ekar setahun yang dibenarkan ditebang itu adalah tidak mencukupi.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan 3 perkara :

Pertama, pihak Kementerian hendaklah menyediakan satu format yang standard bagi penyediaan perancangan pengurusan hutan dan perancangan kerja lima tahun. Kementerian ini bolehlah menganjurkan

kursus-kursus yang khas kepada syarikat-syarikat yang terlibat, terutama sekali kursus-kursus bagaimana hendak menggunakan format yang disediakan oleh pihak Kementerian itu sebagaimana mengikut keadaan bentuk rupa bumi kawasan hutan yang dimiliki oleh masing-masing.

Kedua, saya mencadangkan agar pihak Kementerian ini melonggarkan jadual masa yang dikenakan bagi penyediaan kedua-dua perancangan ini buat sementara waktu ini sehingga di satu masa di mana syarikat-syarikat ini benar-benar berkebolehan (competent) menguruskan sumber hutan mereka sendiri.

Ketiga, saya mencadangkan agar keluasan had tebaran tahunan hendaklah dinaikkan daripada 2,000 ekar kepada sekurang-kurangnya 3,000 ekar setahun ataupun 15,000 ekar dalam masa perancangan kerja lima tahun.

Cadangan saya ini adalah bertujuan untuk menentukan 2 perkara:

Pertama, menjamin bekalan balak yang cukup untuk dipotong dalam tahun-tahun yang berkenaan.

Kedua, untuk mengelakkan dari berlakunya pembelian balak dari tempat-tempat lain dalam pasaran terbuka yang mana ini boleh menyebabkan kenaikan harga balak pada keseluruhannya dan seterusnya kenaikan harga kayu-kayu yang digergaji.

Tuan Pengerusi, adalah difahamkan bahawa Selective Management System ini hanya digunapakai ataupun dikenakan kepada beberapa syarikat yang tertentu sahaja, tidak menyeluruh. Ini bermakna hanya golongan yang tertentu sahaja yang terlibat dan memberi kerjasama kepada pihak Kementerian ini dalam usaha-usaha untuk mengekalkan sumber hutan di negara kita ini tetapi golongan yang lain, iaitu golongan yang tidak terikat dengan perjanjian hutan tidak terlibat sama padahal golongan ini adalah golongan yang terbesar menjalankan perusahaan hutan.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan 3 langkah yang perlu diambil segera oleh pihak Kementerian ini:

Pertama, Kementerian ini hendaklah mensejajarkan sistem ini, dengan lain perkataan, Selective Management System

ini hendaklah dijadikan sebagai satu sistem yang uniform atau diterima pakai di seluruh negara kita.

Kedua, Kementerian ini hendaklah juga mengenakan Selective Management System ini kepada kilang-kilang papan yang mempunyai "saw-mill scheme" mereka sendiri.

Ketiga, Kementerian ini hendaklah merangkakan satu dasar di mana satu-satu kawasan hutan dara, terutama sekali kawasan hutan yang tidak termasuk dalam kawasan pembangunan ataupun projek-projek pembangunan yang lain hendaklah dibenarkan dengan sekali tebaran sahaja, iaitu dengan cara mengeluarkan permit sahaja tidak lagi lesen. Selepas permit ini habis tempohnya tebaran kali yang kedua di kawasan ini janganlah dibenarkan lagi malahan kawasan ini hendaklah dipulihkan balik ataupun "silviculture treatment" hendaklah dijalankan oleh pihak Pejabat Perhutanan untuk dijadikan hutan simpan kekal.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin merujuk kepada Aktiviti (3) (a), Butiran yang sama, iaitu berhubung dengan dasar dan pentadbiran di mana di bawah Aktiviti ini ditubuhkan satu unit tugas-tugas khas bagi menentu dan menggalakkan penyertaan bumiputra dalam sektor perhutanan. Ini adalah satu langkah yang baik oleh kerana memandangkan penyertaan dalam sektor perhutanan amatlah kecil bilangannya. Ini disebabkan mereka bukan sahaja mengalami kekurangan modal tetapi juga tidak mempunyai pengalaman dari segi pemasaran, terutama sekali pemasaran keluar negeri. Tetapi sehingga kini kita belum dapat melihat dengan jelas perjalanan yang telah diambil bagi mencapai matlamat ini. Ada kedengaran bahawa satu consortium kilang papan bumiputra akan ditubuhkan di bawah kelolaan Timber Board di mana consortium ini akan memberi kemudahan-kemudahan pinjaman untuk membeli kayu-kayu balak dalam pasaran terbuka dan mengaturkan kemudahan-kemudahan pemasaran kepada pengilang-pengilang papan bumiputra. Tetapi setakat ini kita tidak mengetahui sejauh manakah perjalanannya, seolah-olah kita nampak bahawa perhatian yang tidak begitu serius kepada consortium ini. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan agar Kementerian ini memberi keutamaan dan perhatian yang

serius agar penubuhan consortium ini dapat disegerakan dan menjalankan kegiatan-kegiatan sebagaimana yang dirancangkan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyentuh berhubung dengan Aktiviti (5), Butiran yang sama juga, iaitu mengenai Penyiasatan Kajibumi. Sebagaimana yang kita telah dimaklumkan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa beberapa kejayaan telahpun tercapai dengan terjumpanya beberapa punca air. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa di negara kita ini pernah berlaku musim kemarau yang berpanjangan, ini melibatkan petani-petani kita, terutama sekali penanam-penanam padi, mereka mengalami kerugian yang begitu banyak apabila tanaman padi mereka ditimpa oleh kemarau. Padi-padi mereka bukan sahaja tidak dapat mengeluarkan hasil yang mencukupi tetapi ada juga pokok-pokok padi yang mati terus. Oleh yang demikian saya mencadangkan Kementerian ini, terutama sekali melalui Jabatan Kajibuminya membuat kajian yang menyeluruh tentang kemungkinan penggunaan punca air bawah tanah bagi membekalkan air kepada sawah-sawah padi, terutama sekali di musim-musim kemarau.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan di bawah Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya akan minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab pada pukul 5.15 petang. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.19 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh Butiran 1,100, Aktiviti (4)—Galian. Saya akan sentuh mengenai kemalangan di perusahaan perlombongan yang kian meningkat kepada satu peringkat yang sangat serius.

Tuan Pengerusi, dari perangkaan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama baru-baru ini kita boleh dapat melihat bahawa sejak tahun 1965 hingga bulan Jun, tahun ini telah mengakibatkan 328 pekerja di perlombongan telah terkorban nyawanya kerana kemalangan di perusahaan itu.

Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan komen-komen yang diberikan oleh pihak yang tertentu termasuk Kementerian Perusahaan Utama bahawa ini sebahagian besarnya adalah diakibatkan oleh kelalaian pihak pekerja yang tidak berpengetahuan atau berkeselamatan di perusahaan perlombongan. Dari angka-angka yang saya boleh membuktikan umpamanya sejak tahun 1965 hingga Jun tahun ini ada sebanyak 1,218 majikan dalam perlombongan dihadapkan ke mahkamah kerana melanggar peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh pihak yang berkuasa.

Di antara 1,218 kes ini sebanyak 1,148 kes telah dijatuhkan hukuman. Ertinya ini sudah menunjukkan bahawa kemalangan yang berlaku di bidang perusahaan perlombongan ini adalah sebenarnya sebahagian besarnya sepatutnya ialah diakibatkan oleh kelalaian tanggungjawab pihak majikan yang tidak menjalankan tugasnya untuk memperlingkungan keselamatan nyawa kaum pekerja. Memang saya bersetuju bahawa perusahaan perlombongan perlu dibangunkan tetapi ianya tidak seharusnya dijalankan dengan mengorbankan atau tidak memperlingkungan kebajikan dan keselamatan kaum pekerja.

Tuan Pengerusi, memang dari segi penguasaan undang-undang kita boleh dapati ada kelemahan pada pihak Kementerian Perusahaan Utama. Umpamanya kekurangan kakitangan-kakitangan pemeriksa untuk menjalankan pemeriksaan dengan mengejut ke lombong-lombong yang berkenaan supaya segala langkah-langkah keselamatan di semua lombong-lombong yang ada di Malaysia hari ini, lebihkurang 976 kalau saya tidak salah, bolehlah dipastikan bahawa langkah-langkah keselamatan bukan sahaja dipatuhi dan juga untuk memberikan latihan kepada kaum pekerja mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil.

Saya tidak begitu puas hati selama ini dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk mempertingkatkan bukan sahaja pengetahuan keselamatan kaum pekerja dan perusahaan perlombongan tetapi juga mengenai bagaimana

pihak majikan boleh dipaksakan untuk mempertingkatkan standard keselamatan yang ada di perlombongan hari ini. Ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang berat, yang urgent yang perlu diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama khasnya dalam musim hujan baru-baru ini. Jika langkah-langkah keselamatan tidak diambil dan tindakan segera tidak dijalankan maka saya sangat kluatir seperti dua minggu yang lepas di Perak juga berlaku dua kes kemalangan di perusahaan ini dan dua nyawa juga terkorban lagi. Inilah saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberitahukan Dewan ini bahawa apakah langkah-langkah yang konkrit, yang positif telah diambil oleh Kementeriannya untuk memastikan bahawa kemalangan-kemalangan yang berlaku di perlombongan ini boleh dikurangkan atau dielakkan lagi supaya ianya tidak dijadikan satu perusahaan yang sangat serius yang memakan nyawa manusia.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh lagi mengenai Aktiviti (3)—Perhutanan. Di sini saya perlu menyentuh mengenai tajuk (b) Pengurusan Sumber Hutan.

Tuan Pengerusi, memang perusahaan perhutanan ini adalah merupakan satu sumber pendapatan yang terbesar yang membawa banyak faedah kepada negara kita. Tetapi selama ini kerana tidak terkawalanya dari pihak Kerajaan maka kita sudah mencapai satu peringkat di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memberikan amaran jika langkah-langkah tidak diambil untuk memperindungi sumber perhutanan Malaysia mungkin dalam masa 12 tahun ini sumber ini akan dijejaskan atau ditebang habis. Ini adalah merupakan satu amaran yang sangat tepat masanya. Tetapi di sini rakyat perlu mengetahui bahawa apakah langkah yang positif, yang tegas telah diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk memperindungi sumber perhutanan ini supaya tidak ditebang dengan sewenang-wenangnya, sehingga membawakan satu consequence alam sekitar kemanusiaan yang amat serius atau membawa satu malapetaka alam kepada Malaysia hari ini. Umpamanya, kebanjiran dan tidak bertanggungjawabnya cara untuk menebang hutan-hutan kita khasnya di Sabah dan Sarawak.

Saya tidak tahu apakah sebabnya selama ini pihak Kementerian Perusahaan Utama tidak bertindak tegas untuk mengawal bahawa segala kegiatan-kegiatan penebangan kayukayan di Malaysia yang tidak bertanggungjawab ini atau yang illegal, penebangan ini bolehlah diputuskan atau dicegah.

Di Rompin atau Endau juga berlaku kes-kes serupa ini. Ini sudah merupakan satu rahsia terbuka di Malaysia. Saya tidak tahu apakah sebenarnya sudah berlaku di Malaysia hari ini bagi pihak Kementerian yang berkenaan untuk memberhentikan segala kenyataan yang sangat merbahaya itu.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya akan menyentuh mengenai Aktiviti (2)—Perusahaan Lada Hitam.

Tuan Pengerusi, menurut perangkaan tahun 1978 Malaysia adalah mempunyai sejumlah 11,500 ekar kawasan tanaman lada hitam di Malaysia, Sarawak ada mempunyai 10,320 ekar, Johor ada 1,100 ekar dan Sabah hanya ada 80 ekar. Tetapi saya tidaklah merasa puashati sungguhpun dalam Belanjawan, 1980 bahawa cukai eksport telah dikurangkannya. Tetapi dalam lawatan saya pada penghujung bulan yang lepas ke Sarawak, saya ada menerima banyak aduan daripada penanam-penanam lada hitam iaitu memandangkan berbagai masalah yang dihadapi oleh penanam lada hitam di Sarawak khasnya di Sibu, Sarikei dan lain-lain tempat lagi, maka mereka berharap dan merayu supaya cukai eksport ini boleh dihapuskan sama sekali bukan hanya dikurangkan.

Masalah pertama ialah mereka tidak mempunyai tanah yang cukup untuk menanam lada hitam mereka. Kedua, umpamanya di Sarawak khasnya di kawasan Sarikei, Sibu, Binatang dan lain-lainnya yang telah menghadapi masalah umpamanya penyakit akar (foot-rot disease) yang menduduki sebanyak 5% dari jumlah kawasan tanaman lada hitam yang ada di Sarawak. Sungguhpun usah-usaha telah diambil untuk cuba memerangi penyakit foot-rot disease ini tetapi nampaknya segala usaha ini masih gagal untuk mengatasi masalah-masalah mereka.

Dari angka-angka yang dipertunjukkan semenjak cukai eksport dikenakan baik Johor, Sarawak atau di Sabah bahawa iaitu penempatan atau bilangan ekar yang ditanam oleh lada hitam ini telah merosot. Inilah satu perkara yang perlu diperhatikan oleh

Kerajaan Pusat supaya langkah-langkah yang urgent boleh diambil untuk menyelamatkan perusahaan lada hitam di Malaysia hari ini kerana kita adalah memandang berat bahawa perusahaan lada hitam ini adalah merupakan satu perusahaan yang akan membawa banyak faedah dan sumber pendapatan yang besar kepada Malaysia dan juga penanam-penanam lada hitam ini adalah kebanyakan terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah umpamanya di Sarawak. Itulah sebabnya saya harap Setiausaha Parlimen bolehlah memberi perhatian yang berat atas segala masalah yang masih dihadapi oleh kaum penanam lada hitam baik di Johor, di Sarawak atau di Sabah dan juga saya harap Setiausaha Parlimen boleh beritahu ke Dewan yang mulia ini, apakah langkah yang urgent yang telah diambil untuk memerangi foot-rot disease juga adakah rayuan mengenai pembatalan cukai eksport ini akan dicadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya perusahaan lada hitam ini boleh diselamatkan daripada mengalami satu keadaan yang amat serious hari ini.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab dua orang Ahli Yang Berhormat sahaja yang hendak bercakap, saya ulangi iaitu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab pada pukul 5.00 petang.

4.31 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian sedikit membahaskan peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Perusahaan Utama. Oleh kerana masa tidak mengizinkan membahaskan lebih lama, maka saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja yang saya fikir perlu.

Yang pertama, berhubung dengan B. 23, Butiran 1,100, Aktiviti (4)—Galian berhubung dengan bijih Timah. Pertama sekali, saya suka memuji dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perusahaan Utama kerana telah dapat menstabilkan harga bijih timah di peringkat antarabangsa. Oleh kerana bijih timah ini boleh dikatakan satu bahan yang amat diperlukan oleh dunia dan memandangkan harganya yang begitu tinggi pada hari ini sebab itu agakya tidak hairan selalu difahamkan banyak bijih-bijih ini sedang diseludup dan cuba diseludup ke luar

negeri, terutamanya melalui Tambak Johor untuk diseludup ke Singapura. Pandangan saya kepada Kementerian ini supaya mengawasi perkara ini supaya tidak berlaku penyeludupan yang begitu hebat, boleh dikatakan hari-hari berlaku penyeludupan ini, sebahagiannya dapat dicegah oleh pihak Kastam dan sebahagiannya tidak tahu boleh jadi lepas ke Singapura dan bila banyak bahan ini diseludup ke negeri lain sudah tentu kita kekurangan mendapat cukai eksport. Apa yang saya rasa pelik berhubung dengan penyeludupan bahan ini ke Singapura umpamanya selalu kita terdengar penyeludupan ini dilakukan, tetapi kita tidak dengar adanya lombong-lombong yang kehilangan bijih. Jadi, logiknya bila penyeludupan berlaku dan lombong-lombong bijih tidak ada mengadu bijihnya hilang, ini membawa erti pelombong itu sendiri cuba menyeludup bijih ini ke luar negeri ataupun terdapat pelombong-pelombong haram yang mana mereka melombong dengan setidak tahu Kerajaan. Jadi untuk perhatian Kementerian ini supaya mengawasi perkara ini tidak berlaku lagi dengan sewenang-wenangnya sebagaimana pada masa-masa yang lalu.

Yang kedua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan aktiviti (5) Penyiasatan Kajibumi.

Di dalam bumi kita di Malaysia hari ini sama ada di Semenanjung Malaysia atau Sabah dan Sarawak memang telah ditakdirkan Allah banyak bahan-bahan galian yang berguna kepada dunia dan kepada manusia. Umpamanya, di pantai-pantai sebelah timur Semenanjung Malaysia terdapat dua jenis galian yang mana dua jenis bahan ini belum lagi diproses di negara kita ini. Umpamanya, satu bauxite masih lagi kita eksport terutama ke negeri Jepun. Keduanya, silica iaitu jenis pasir yang boleh dijadikan gelas, begitu banyak terdapat di pantai timur di Semenanjung Malaysia ini dan saya difahamkan kedua-dua bahan ini pada hari ini masih dieksport. Saya harap kepada pihak Kementerian Perusahaan Utama di dalam bidang penyelidikannya supaya dapat diproses dua jenis bahan mentah dalam negeri ini dibuka kilang satu sama ada berunding dengan Kerajaan-kerajaan lain umpamanya, Jepun supaya mereka membuat kilang di negara kita dan memproses bahan-bahan ini dan dengan ini dengan secara langsung akan memberi pekerjaan yang banyak kepada rakyat di negeri ini. Pada hari ini banyak

bahan mentah kita dieksport ke Jepun. Ini membawa erti bahawa mereka akan memproses perkara ini dan rakyat Jepun yang banyak mendapat pekerjaan daripada kilang bauxite dan kilang silica yang bahan-bahan ini terdapat di negara kita.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya ingin hendak sentuh berhubung dengan Aktiviti (3) Perhutanan. Saya tahu kuasa hutan yang pada hari ini dipegang oleh Negeri-negeri dalam Malaysia sama ada Semenanjung Malaysia atau Sabah dan Sarawak saya tidak bercadang supaya kuasa ini diambilalih oleh pihak Persekutuan, biarkan kuasa ini diserahkan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri masing-masing.

Apa yang saya hendak beri pandangan atau cadangan di sini oleh kerana bahan ini semakin lama semakin kurang dan keperluan dalam negeri berlebihan dan bertambah sama juga dengan keperluan negara luar kepada bahan kayu ini, Tuan Pengerusi, apa yang hendak saya cadangkan di sini iaitu di mana kawasan-kawasan negeri yang telahpun dikeluarkan hasil hutannya, maka saya harap Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perusahaan Utama berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya kawasan yang sudahpun diproses dan sudah dikeluarkan hasil kayu itu, kawasan itu diambilalih oleh pihak Persekutuan sama ada sebahagian daripadanya atau keseluruhan kawasan itu, ini terpulang kepada perundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Ini saya memandangkan untuk memberi peluang kepada Kementerian dan Kerajaan Persekutuan untuk menanam semula, walaupun penanaman semula ini dilakukan sekarang tetapi memandangkan kepada hasil yang kita ambil daripada hutan itu dengan cara menanam semula tidak seimbang, maknanya kita lebih banyak mengambil hasil daripada hutan daripada kita menanam semula. Jadi dengan cadangan saya ini saya harap dalam masa yang tidak lama kita akan dapat semula hasil-hasil hutan yang sudah dikeluarkan kayu itu dan akan ditanam semula dengan belanja pihak Persekutuan.

Satu lagi oleh kerana begitu mahal harga kayu pada hari ini sehingga kayu-kayu yang di bawah daripada 16'' pun diproses. Keadaan ini saya harap akan mendapat perhatian daripada Kementerian Perusahaan Utama. Saya tidak berapa setuju mini-mini sawmill ini digalakkan. Pada hari ini banyak

terdapat mini-mini sawmill. Sebahagiannya saya difahamkan memang ada mendapat pengesahan atau lesen dan sebahagiannya ada di antaranya yang tidak mendapat kebenaran. Kayu-kayu yang besar diproses oleh sawmill yang besar-besar dan kayu-kayu yang kecil diproses oleh mini-mini sawmill iaitu kayu yang kurang daripada 16'' maka ini membawa erti bahawa hasil sesuatu kawasan itu akan habis dengan segera, makna kayu-kayu yang besar diambil dan kayu-kayu yang kecil-kecil pula diambil dan diproses oleh mini-mini sawmill. Kalau keadaan ini tidak dicegah dan dibendong dari sekarang saya percaya lambat laun kayu-kayu ini akan kehabisan. Kita hanya akan mendapat hasil semula daripada hutan tersebut dengan cara yang lama, iaitu kita ambil sahaja kayu-kayu yang besar-besar dan kita tinggalkan kayu yang kecil-kecil 16'' ke bawah dalam jangka masa 50 atau 80 tahun kita akan dapat menggunakan semula kayu tadi kerana dalam masa 50 hingga 80 tahun kayu itu sudah boleh digunakan dan sudah besar. Tetapi dengan adanya mini-mini sawmill ini akan menghapuskan semua sekali kayu-kayu yang kecil dalam kawasan itu.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya mengucapkan terima kasih dan menyokong peruntukan yang dipohon oleh pihak Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Gerik, selepas ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

4.40 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Pengerusi, dalam menyentuh berkenaan dengan peruntukan Kementerian Perusahaan Utama, saya ingin menyentuh Maksud P. 23, Butiran 94—Penilaian Bijih Timah dalam Kawasan Rezab Melayu.

Saya ingin mencadangkan agar pihak Kementerian Perusahaan Utama menjalankan usaha carigali bijih timah di kawasan Simpanan Melayu dengan lebih intensif lagi. Sebagaimana kita sedia maklum adalah menjadi matlamat Dasar Ekonomi Baru bahawa penyertaan bumiputra di semua bidang ekonomi hendaklah digalakkan maka semua kekayaan negara dan sumber-sumber kekayaan negara hendaklah disusun semula

semoga penyertaan bumiputra di semua bidang akan dapat ditingkatkan lagi. Setakat hari ini industri bijih timah belum lagi dapat direstructure atau disusun semula dan penyertaan bumiputra di dalam industri ini amatlah kecil sekali dan insignificant.

Dalam tahun 1979 anggaran secara langsung yang diuntukkan untuk tujuan ini ialah \$24,250 tetapi tahun ini pihak Kementerian telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar iaitu \$822,482 untuk tujuan ini. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Menteri dan Setiausaha Parlimen Kementerian ini kerana telah mengambil satu daya-usaha yang positif dalam menjalankan usaha carigali di tanah-tanah simpanan Melayu ini. Kita sedia maklum bahawa kekayaan yang diperolehi dari bijih timah merupakan salah satu sumber kekayaan yang telah membangunkan negara kita ini. Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping, Kampar dan banyak lagi bandar-bandar di Malaysia telah diwujudkan di atas ekonomi bijih timah.

Kita juga berharap dalam masa pihak bumiputra hari ini cuba untuk mempertingkatkan lagi penyertaan mereka di bidang ekonomi negara, semoga bijih timah ataupun sumber-sumber kekayaan dari bijih timah akan dapat memainkan peranan yang penting dan positif ke arah matlamat ini. Kita berharap semoga kekayaan-kekayaan yang hari ini wujud di tanah-tanah Simpanan Melayu akan dapat dikeluarkan hasilnya secepat mungkin, bukan hanya untuk mengayakan segelintir ahli-ahli perniagaan sahaja tetapi kita berharap agar pengeluaran bijih timah di tanah-tanah Rezab Melayu ini akan dapat menjadi asas memperbanyakkan lagi penyertaan bumiputra di bidang ini, sama ada daripada segi pekerjaan ataupun penglibatan modal.

Kita tidak mahu pembukaan lombong-lombong di Rezab Melayu ini menguntungkan segelintir orang sahaja dan juga mereka yang menjalankan usaha ini secara Ali-Baba. Kita berharap semoga carigali bijih timah di kawasan-kawasan Rezab Melayu tidak dijalankan secara *ad hoc* dan tidak teliti ataupun secara ambil ada sahaja sebagaimana yang berlaku sekarang ini. Kita berharap semoga Kerajaan akan menjalankan satu usaha carigali secara lebih berkesan lagi dengan menyediakan perangkaan carigali bagi satu-satu kawasan termasuk juga kajian berkenaan dengan keadaan tanah dan juga

penilaian kawasan-kawasan ini daripada segi ekonomi. Kalau perlu dan jika boleh kita juga berharap agar mining scheme untuk kawasan-kawasan ini disediakan oleh pihak Kementerian.

Saya sedar yang kita telah mengharapkan agar pihak Kerajaan membuat segala rupa persediaan untuk bumiputra tetapi memandangkan yang orang-orang Melayu hari ini begitu tertinggal di lapangan ini dan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dapat dipercepatkan dengan penyertaan bumiputra tetapi memandangkan yang orang-orang Melayu hari ini begitu tertinggal di lapangan ini dan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dapat dipercepatkan dengan penyertaan bumiputra sepenuhnya di bidang ini, maka usaha yang lebih positif, dedikasi dan gigih dari Kementerian adalah diharapkan. Kita juga berharap agar Kerajaan-kerajaan Negeri akan memberikan segala kerjasama yang diperlukan oleh Kementerian ini demi untuk menjayakan lagi rancangan ini.

Selepas penilaian ini dijalankan, saya ingin mencadangkan supaya satu Perbadanan dibentuk untuk menjalankan operasi melombong bijih di kawasan ini sama ada dengan cara palung ataupun kapal korek. Pembentukan Perbadanan ini akan memastikan bahawa perlombongan ini tidak akan dijalankan secara Ali-Baba dan ianya juga akan dapat mengurangkan lagi keadaan monopoli di dalam lapangan perusahaan ini. Saya mencadangkan agar Perbadanan ini disertai sama oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dengan Jabatan Galian ataupun Institut Penyelidikan Galian menjadi sebagai perundingnya (consultant). Dan Perbadanan ini bolehlah dinamakan Perbadanan Perlombongan Negara ataupun Perbadanan Bijih Timah Nasional.

Perbadanan Perlombongan ini bolehlah misalnya menjalankan operasi perlombongan di satu-satu kawasan dengan penyertaan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri yang berkenaan, Persatuan Pelombong Bumiputra Negeri berkenaan, ataupun Persatuan Pelombong Bumiputra Malaysia, bumiputra-bumiputra yang berminat dan juga Kerajaan Pusat. Dengan pembentukan Perbadanan ini banyak masalah-masalah yang akan dapat diatasi. Antaranya masalah kemahiran ataupun teknikal, masalah modal, masalah untuk menghapuskan perlombongan secara Ali

Baba dan juga masalah pembahagian kekayaan yang lebih sama rata kepada rakyat. Kita berharap cara ini akan dapat dijalankan ke seluruh negara dan buat permulaan bolehlah saya mencadangkan iaitu agar cara ini dijalankan di satu kawasan di Gerik iaitu di Kampung Kenayat.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Di Kampung Kenayat yang terletak dekat kawasan Gerik pihak FELDA telahpun diperuntukkan satu kawasan seluas 15,000 ekar untuk dibangunkan oleh FELDA dan Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan kawasan seluas 6,000 ekar untuk dibangunkan oleh FELCRA. Tetapi hari ini oleh kerana kawasan ini difikirkan ada mengandungi bijih maka usaha FELDA dan usaha FELCRA untuk membangunkan kawasan ini dengan segera telah tergendala.

Saya ingin mencadangkan agar pihak Kementerian dapat menjalankan satu kajian penilaian bijih di kawasan ini dengan segera dan jika didapati bahawa kawasan-kawasan seluas 3,000 ekar yang dianggarkan oleh pihak Jabatan Galian yang mana penduduk-penduduk tempatan menganggap bahawa kawasan bijih ini lebih kaya daripada setengah-setengah kawasan bijih yang ada di Ipoh ataupun di Kampar. Kita berharap jikalau kawasan ini didapati viable semoga projek pertama Perbadanan ini dapat dijalankan di Gerik.

Saya mencadangkan kawasan Gerik di Perak ini memandangkan yang kita mempunyai banyak sekali kemudahan-kemudahan dari segi kepakaran di Perak, memandangkan bahawa Institut Penyelidikan Galian juga berada di negeri Perak dan kita juga sedar hari ini bahawa negeri Perak merupakan negeri yang terkaya sekali dengan bijih timah dan merupakan negeri yang utama sekali yang mempunyai banyak pakar-pakar dan sebagainya dan kita berharap supaya Perbadanan ini akan dapat menggunakan tenaga-tenaga mahir yang mana hari ini Pengarah Institut Penyelidikan juga adalah seorang bumiputra. Kita berharap saudara kita ini iaitu Saudara Dr. H. Hussein akan dapat kita gunakan kepakaran beliau untuk memulakan projek pertama ini iaitu projek perlombongan di kawasan Gerik ini, semoga dengan adanya projek ini bukan sahaja penyertaan bumiputra di bidang perlombongan dapat kita tingkatkan lagi tetapi juga

kita akan dapat mempertingkatkan lagi kemahiran bumiputra di satu lapangan yang mana hari ini merupakan lapangan yang ulung, lapangan yang boleh ditonjolkan untuk kita mendapat ataupun mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, dengan harapan-harapan inilah maka saya dengan segala sukacitanya menyokong peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

4.49 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Pengerusi, sepanjang debate yang dijalankan mengenai ucapan Belanjawan bagi tahun 1980 bagi Kementerian Perusahaan Utama ini, saya suka mengulas beberapa pandangan, cadangan, pendapat ataupun criticism yang diberikan atau yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Dewan kita mengenai prestasi dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian saya.

Pertamanya, saya suka menyentuh pandangan-pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Kangar yang mana satu daripada cara pandangan tadi ialah supaya kita membuat usaha-usaha bagi menambahkan sumber-sumber bahan utama ini dalam pasaran di negara kita sendiri supaya jangan berlaku monyet di hutan disusukan, anak sendiri di rumah kelaparan. Adalah menjadi hasrat Kementerian saya bahawa perkara ini sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tidak akan berlaku dan kita sentiasa sahaja mengambil usaha-usaha ke arah mencukupkan keperluan-keperluan penduduk di negara kita dari segi menggunakan bahan-bahan utama. Beliau menyebut kayu balak sebagai contoh tadi.

Saya pernah beberapa kali menjawab di dalam Dewan yang mulia ini bahawa antara langkah-langkah yang telah diambil dan sedang diambil oleh Kementerian saya ialah menghadkan species atau jenis kayu-kayu balak yang mustahak yang hendak digunakan oleh penduduk ini hinggalah membuat rumah papan di kampung-kampung kita menimbangkan jenis-jenis yang perlu supaya jenis-jenis ini tidak dieksport ke luar negeri dan boleh digunakan secukupnya oleh penduduk di negara kita. Walau bagaimanapun

Kementerian saya sentiasa sahaja melihat keadaan ini agar kita dapat meneruskan usaha-usaha yang lebih bagi memastikan satu suasana di mana penduduk di negara kita akan mendapat nikmat daripada pertambahan bahan-bahan utama daripada negara kita sendiri.

Selain daripada itu beliau menyentuh soal menggunakan Attache Perdagangan kita (Trade Commissioners) di luar negeri bagi kepentingan memasarkan dengan lebih masa bahan-bahan utama kita. Untuk makluman Yang Berhormat adalah memang menjadi dasar Kementerian saya dan Kerajaan sendiri bahawa kita sememangnya menggunakan perkhidmatan Persuruhjaya Perdagangan dan Attache Ekonomi kita di luar negeri. Malah Kementerian saya dan juga agensi-agensi yang tertentu di bawah Kementerian ini mempunyai agensi-agensinya sendiri dan perwakilan-perwakilan tetapnya di berbagai negara. Sebagai contoh Malaysia Rubber Bureau atau Biro Getah Malaysia telahpun ditempatkan serata dunia ini termasuk di Eropah, Sepanyol, Amerika, Australia, di Tokyo (Jepun) dan kita bercadang untuk memikirkan kemungkinan membuka satu lagi pejabat kita di Brazil sendiri di mana getah kita dari segi sejarah telah bermula atau berasal daripada tempat itu.

Mengenai rundingan antarabangsa mengenai getah hendak diadakan di negara kita ini juga menjadi matlamat utama Kementerian saya, bukan setakat berhasrat sahaja tetapi kita membuat langkah-langkah yang konkrit ke arah pencapaian matlamat tersebut. Di antaranya ialah kita sedang memperjuangkan atau merundingkan supaya Ibu Pejabat Perjanjian Getah Asli Antarabangsa hendaklah ditempatkan di Kuala Lumpur sebagai permulaan ke arah mengadakan semua perundingan-perundingan mengenai getah di Kuala Lumpur ini. Perundingan-perundingan telah diadakan di Geneva pada masa ini adalah disebabkan oleh kemudahan-kemudahan dan kerana keperluan yang dikehendaki oleh Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa. Kita percaya bahawa perjuangan kita untuk meletakkan Ibu Pejabat Getah Asli Antarabangsa di Kuala Lumpur sekiranya berjaya adalah merupakan sejarah baharu bagi negara kita dalam menentukan masa depan mengenai aspek getah ini dimana negara kita sendiri merupakan negara pengeluar yang terbesar di dunia.

Mengenai kerjasama dengan RISDA, saya suka mengingatkan Yang Berhormat bahawa memang ada Jawatankuasa Penyelarasan di antara Kementerian saya dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pada masa ini, lebih-lebih lagi apabila RISDA ini keluar daripada Kementerian saya, Kementerian Perusahaan Utama. Kita sentiasa memikirkan kordinasi adalah perlu dan Jawatankuasa sentiasa sahaja boleh diminta bermesyuarat bagi memastikan penyerlarasan yang lebih di antara kegiatan Kementerian saya dengan RISDA. Lebih-lebih lagi dalam Lembaga Pengarah RISDA sendiri perwakilan daripada agensi-agensi di bawah Kementerian saya seperti MRELB, Lembaga Pelesenan, Institut Penyelidikan Getah, MARDEC dan sebagainya memang ada. Kita menyalurkan soal-soal penyelarasan atau kordinasi melalui saluran-saluran yang telah ada itu.

Mengenai baja, katanya baja-baja yang dicampurkan kadang-kadang tidak baik untuk digunakan oleh pekebun-pekebun kita, sekiranya ada perkara ini dilakukan oleh orang-orang tertentu atau agensi-agensi tertentu atau pembekal tertentu silalah laporkan bukan sahaja kepada Kementerian ini, tetapi juga kepada pihak polis pun, bolehlah kita kemukakan perkara ini sebagai perkara yang menyalahi undang-undang.

Mengenai hutan, sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Parlimen yang lain-lain, memanglah Kerajaan pada masa sekarang memandang berat soal perhutanan negara ini iaitu memandangkan bahawa sumber perhutanan ini ialah satu sumber yang akan menjadi kurang pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu diambil perhatian berat dan saya suka menyatakan bahawa tanggungjawab utama dari segi misalnya menanam semula hutan-hutan atau memberi rawatan kepada hutan-hutan adalah tanggungjawab utama bagi Kerajaan-kerajaan Negeri. Jadi saya di sini mengambil peluang untuk menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mengintensifikasikan atau menambahkan lagi usaha-usaha ke arah menanam semula hutan-hutan ini memandangkan sumber ini semakin kurang. Bagi pihak swasta, saya suka menyatakan pihak swasta yang dapat concession tanah pembalakan yang lebih daripada 50,000 ekar sahaja setakat ini disyaratkan menanam semula setelah pokok-pokok ditebang.

Mengenai cadangan supaya Lembaga Tembakau meluaskan lagi penanaman tembakau di negeri-negeri utara Semenanjung seperti Perak, Kedah, Perlis, di Kangar sekalipun insya Allah saya akan meminta Lembaga Tembakau di bawah Kementerian saya supaya meluaskan lagi kegiatan menanam tembakau di tempat-tempat itu dengan syarat penanaman itu sesuai dan ekonomik bagi pekebun-pekebun kecil tembakau kita di kawasan-kawasan yang berkenaan. Mengenai subsidi dan sebagainya, kita dapati setakat ini kebanyakan orang yang terlibat dalam penanaman tembakau ini adalah part-time dan walaupun kita belum ada satu rancangan tertentu mengenai subsidi apabila berlaku sesuatu bencana alam seperti kemarau, Kerajaan sedang menimbangkan satu skim insurans bagi membolehkan pekebun-pekebun kecil kita termasuk pekebun-pekebun kecil tembakau kita apabila menghadapi satu keadaan yang sukar seperti kemarau yang di luar kemampuan mereka untuk mengatasinya akan dapat ditolong melalui saguehati berdasarkan kepada skim insurans yang sedang dipertimbangkan sekarang.

Menyentuh soalan Yang Berhormat dari Kemaman yang memberi pandangan beliau, beliau telah begitu detail memberi fakta-fakta mengenai satu sistem cara pengurusan yang dipanggilkan System Pengurusan Secara Terpilih (Selective Management System) bagi hutan-hutan kita dan beberapa cadangan telah dikemukakan mengenai perkara ini. Saya suka menyatakan kepada Yang Berhormat tersebut bahawa saya dan pegawai-pegawai saya telahpun mengambil satu demi satu mengenai perkara itu dan akan menimbangkan secara positif cadangan-cadangan tersebut dan saya rasa sekiranya perkara-perkara ini baik dan memberi faedah kepada negara maka tidak ada sebab mengapa cadangan-cadangan ini tidak boleh diberi pertimbangan yang serius. Walau bagaimanapun saya suka mengingatkan Yang Berhormat tersebut walaupun apa sistem yang digunakan bagi penebangan ataupun bagi menguruskan sumber-sumber kehutanan kita di negara ini apa yang perlu ialah "Sustained Yield Principle" ataupun prinsip pengeluaran yang berkekalan bagi hutan-hutan kita sama ada kita menggunakan sistem apa yang dipanggil Selective Management System ataupun Malayan Uniform System dan sebagainya. Sustained Yield Principle ini hendaklah

menjadi prinsip, menjadi asas panduan kepada mereka yang mengamalkan sistem tersebut.

Saya suka menyatakan bahawa selective management system ini satu sistem yang baru sahaja diuji oleh Jabatan Perhutanan kita iaitu bermula kalau tidak silap saya dalam tahun 1971 ataupun 1973 dan setelah menjalankan eksperimen atau percubaan-percubaan di negeri Trengganu dan negeri Pahang didapati bahawa selective management system ini adalah satu sistem pengurusan yang lebih sesuai bagi tanah yang berbukit-bukit kerana di tempat-tempat itu tumbuh-tumbuhan ataupun pokok-pokok ada mempunyai taburan usia dan penjenisannya (distribution of ages and species) adalah berbeza-beza disebabkan keadaan topografinya, kandungan tanah dan sebagainya. Oleh itu Penebangan hendaklah dijalankan secara terpilih (selective), maka dia lebih sesuai untuk digunakan bagi kawasan-kawasan yang berbukit-bukit. Manakala didapati setakat ini bagi kawasan yang lebih rata topografinya, lebih landai di mana distribution of ages and species adalah lebih merata maka didapati Malayan Uniform system ini adalah lebih sesuai. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan dikaji selanjutnya bagi melihat seterusnya persesuaian pelaksanaan sistem tersebut. Saya rasa sekiranya apa pun sistem yang kita gunakan selagi dasar pengeluaran berkekalan ini kita teruskan kita akan menggunakan apa sahaja sistem demi kepentingan negara kita.

Mengenai cadangan beliau untuk meningkatkan penyertaan bumiputra dalam bidang ini dengan menubuhkan satu konsortium yang disebutkan itu, saya suka menyatakan bahawa pernah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika merasmikan satu seminar yang dianjurkan oleh pengusaha-pengusaha balak bumiputra mengumumkan bahawa Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan satu konsortium yang dipanggil konsortium pengilang papan bumiputra. Konsortium ini sebenarnya ialah satu usaha ke arah membantu pengilang-pengilang papan bumiputra bagi mengatasi masalah mereka yang berlipat ganda dan konsortium ini adalah dirangkaan penyertaannya oleh pengilang-pengilang papan bumiputra yang kecil-kecil sahaja kerana yang besar-besar dan yang bukan bumiputra itu mereka boleh dan mampu untuk mengatasi masalah mereka dan

menempatkan diri mereka dalam pasaran dunia. Konsepnya lebih kurang konsortium ini adalah satu badan yang bukannya mempunyai motif keuntungan (non-profit making consortium), akan disertai oleh pengilang-pengilang papan bumiputra yang kecil-kecil dan mempunyai equiti yang sama di antara satu dengan lain. Jadi tujuan utamanya adalah bagi mengatasi masalah pembekalan ataupun soal mendapatkan kayu-kayu daripada pasaran terbuka di negara kita ini yang mana biasanya mereka ini kurang wang. Dengan cara ini dapatlah digembeling tenaga dan sumber kewangan mereka bagi mendapatkan sumber-sumber itu dalam pasaran negara kita. Dan seterusnya bersama-sama secara kolektif untuk bertanding di pasaran dunia yang lebih kompetitif yang lebih kuat bagi membolehkan mereka mendapat sebahagian daripada urusniaga di pasaran antarabangsa.

Bagaimanapun saya suka menyatakan bahawa perkara ini hanya pada peringkat pengkajian sahaja lagi dan kita akan cuba mencontohi model ataupun cara konsortium yang sekarang ini sedang diamalkan di Canada yang dinamakan Seaboard Lumber Company dan juga yang sedang berlaku di negeri Sweden dan negeri Finland.

Jadi saya berharap bahawa sekiranya setelah kita melaksanakan kajian ini kita akan dapat memastikan sama ada konsortium ini boleh dijalankan ataupun tidak.

Berkenaan punca air bagi menampung keperluan pesawah padi kita di musim kemarau, saya memang mengalu-alukan pandangan yang baik daripada Ahli Yang Berhormat dan adalah menjadi dasar Kementerian saya, terutamanya Jabatan Kajibumi untuk meneruskan secara dedikasi ke arah matlamat untuk terus mencari punca-punca air daripada bawah tanah bagi mengatasi masalah kemarau yang sering kita hadapi sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyatakan mengenai kemalangan di lombong-lombong dengan statistik-statistik yang tertentu iaitu 1,148 cases telahpun di bawa ke mahkamah dan ini menampakkan ketidakcekapan jabatan di bawah Kementerian saya. Tetapi bagi saya perkara itu tidak logik dan tidak menasabah. Kenyataan sebanyak itu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah di bawa ke mahkamah mem-perlihatkan dengan nyata bahawa tingkat kecekapan jabatan itu mengesan (detect) kesalahan yang dilakukan oleh pihak majikan

adalah sentiasa cekap daripada semasa ke semasa. Kalau tidak masakan kita mampu dan boleh membawa dan menyerkap mereka itu ke muka pengadilan untuk menerima hukuman yang sepatutnya.

Tentang meningkatkan pengetahuan pekerja-pekerja mengenai kemalangan di lombong-lombong, memanglah sentiasa sahaja ditekankan oleh Kementerian saya, terutamanya oleh Menteri Perusahaan Utama sendiri Yang Berhormat Datuk Paul Leong Khee Seong. Kempen-kempen telahpun dijalankan daripada masa ke semasa. Saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu bahawa kadar kemalangan hanya dapat dipertahankan dan dikurangkan hanya dengan kerjasama dan tindakan bersama (kolektif) oleh semua pihak termasuk pihak jabatan sendiri, pelombong-pelombong, pekerja dan lain-lain pihak yang berkaitan dengan perlombongan itu.

Beliau menyentuh soal perhutanan yang dikatakan telah tidak terkawal cara penebangannya. Saya suka menyatakan bahawa pihak Kerajaan Persekutuan dan pihak Kerajaan Negeri pada masa sekarang telah meningkatkan pengawasan ataupun penyeliaan dari segi pemotongan kawasan perhutanan di seluruh negara kita pada masa sekarang dan saya suka menyatakan seperti yang telah dinyatakan di dalam Dewan yang mulia ini pada masa yang lalu iaitu memang ada rancangan Kerajaan pada masa sekarang untuk mengurangkan kadar penebangan itu daripada 900,000 ekar kepada lebih kurang 330,000 ekar setahun pada masa yang akan datang. Jadi perkara ini telah dikemukakan kepada Majlis Tanah Negara dan bila akan dilaksanakan bergantunglah dalam mesyuaratnya bagi memastikan supaya perkara ini akan dapat dilaksanakan seberapa segera bagi menghindarkan kekurangan pembekalan sumber kayu dalam negara kita.

Selain daripada itu, soal lada hitam. Saya tak hendak menyentuh banyak kerana dalam ucapan Belanjawan 1980 beberapa kebaikan ataupun pertimbangan yang positif telahpun diberi kepada pihak yang berkaitan dengan lada hitam itu. Bagaimanapun pandangan beliau supaya dihapuskan cukai sama sekali akan dikaji selanjutnya oleh Kementerian saya, seterusnya dengan Kementerian Kewangan.

Begitu juga penyakit lada hitam memanglah menjadi dasar Kerajaan, terutama Kementerian Pertanian bagi meneruskan kajian-kajian bagi mengatasi soal penyakit lada hitam ini.

Ahli Yang Berhormat dari Panti menyatakan soal penyeludupan timah di Tambak Johor. Saya suka menyatakan bahawa ini adalah tugas utama pihak Kastam dan pihak Polis untuk meningkatkan lagi pengawasan mereka tentang usaha-usaha penyeludupan timah negara kita ke Pulau Singapura. Bagaimanapun saya percaya dan yakin bahawa dengan kadar cukai yang baru yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini sedikit sebanyak akan dapat menambah pengeluaran bijih timah kita di dalam negara pada masa sekarang.

Mengenai penglibatan pelombong-pelombong ataupun melombong secara haram, ini adalah di luar pengetahuan Kementerian saya. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Panti itu ada mempunyai maklumat yang konkrit atau ada bukti (evidence) kita bersama-sama boleh bawa perkara ini ke muka pengadilan.

Mengenai memproses sendiri bahan-bahan utama negara yang lain seperti bauxite, silica yang diekspotkan, saya rasa ini memanglah menjadi tugas utama Kerajaan kita melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dan saya percaya usaha-usaha insentif sentiasa sahaja diberi dan penggalakan-penggalakan usahasama (joint-venture) dengan teknologi luar negeri memang sentiasa digalakkan supaya industri processing ini dilaksanakan di negara kita. Dan kita berharap mereka yang berminat di dalam bauxite, di dalam silica ini seperti membuat gelas akan mengambil peluang orang-orang kita, warganegara kita daripada inisiatif-inisiatif yang dikemukakan pada masa sekarang.

Mengenai cadangan menanam semula supaya Kerajaan Pusat mengambil balik tanah-tanah K.S.K. (kawasan yang sudah dikerjakan), saya rasa ini adalah sukar bagi Kementerian saya hendak memberikan pandangan kerana ini adalah terpulang kepada perundingan dan persefahaman antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Macam manapun kita akan tinjau kemungkinan ini dan sekiranya kemungkinan itu positif bolehlah dikemukakan kepada Majlis Tanah Negara.

Mini sawmill ataupun kilang papan kecil yang dinyatakan oleh beliau dimana beliau tidak setuju digalakkan, saya ingin menyatakan bahawa sekiranya mini sawmill ini benar-benar digunakan bagi mengilang papan-papan kecil ia adalah berguna untuk kita kerana pada masa sekarang kadar pembaziran daripada pemotongan balak ini agak tinggi. Jadi kalau benar-benar mini sawmill yang dicadangkan pada masa lalu oleh Kementerian saya, dapat digunakan iaitu menggunakan pembaziran daripada kayu-kayu kecil yang dipotong secara berleluasa ketika menebang hutan yang diberikan kepada pembalak-pembalak, maka saya percaya dan yakin bahawa mini sawmill dapat membuat operasi secara ekonomik untuk kepentingan negara kita.

Yang akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Gerik telah menekan perlunya bijih timah dalam rizab Melayu. Saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya akan mengkaji secara positif cadangan beliau supaya satu perbadanan ditubuhkan kearah ini. Menurut beliau, perkara ini adalah bertujuan untuk mengatasi soal modal, soal kemahiran di kalangan bumiputra dan soal pembahagian kekayaan dan sebagainya, seperti disentuhkannya, saya ingin menyatakan di sini bahawa kami akan cuba mengkaji secara positif cadangan yang baik yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gerik. Dan cadangannya supaya aktiviti itu mula di Kendayang, kerana ada timah di situ saya tidak boleh menyatakan perkara ini kerana terpulanglah kepada pengkajian Kementerian saya sama ada perkara seperti itu ekonomik dan sesuai dan selaras ataupun selari bagi Kerajaan untuk melaksanakannya pada masa yang akan datang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$24,098,400 untuk Maksud B. 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$50,509,647 untuk Maksud P. 23 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian untuk mengemukakan Anggaran Belanjawan bagi Kementeriannya.

Maksud B. 24 (Jadual)—

Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya memohon izin membentangkan Anggaran Belanjawan Kementerian Pertanian bagi tahun 1980 berjumlah \$1,030,135,869 seperti berikut:

Kepala B. 24—Belanjaan Mengurus sebanyak \$203,527,500.

Kepala P. 24—Perbelanjaan Pembangunan sebanyak \$826,608,369.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pertanian memerlukan wang peruntukan tersebut dalam tahun terakhir Rancangan Malaysia Ketiga untuk terus memajukan sektor pertanian bagi mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, dalam mana peranan utama Kementerian Pertanian ialah seperti berikut:

- (i) Memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi dan meninggikan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar terutamanya petani-petani dan nelayan-nelayan; dan
- (ii) Mengeluarkan seberapa yang boleh bahan-bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara dan untuk dieksport.

Tuan Pengerusi, satu strategi yang digunakan untuk mencapai tujuan tersebut ialah pembangunan kawasan pertanian secara integrated, dalam mana Kementerian Pertanian dan agensi-agensi di bawahnya menyelaraskan aktiviti-aktiviti untuk menyediakan infrastruktur dan menyampaikan perkhidmatan pertanian dengan lebih lengkap dan teratur.

Bilangan projek-projek pembangunan integrated ini yang berjumlah lima sekarang iaitu di Johor Barat, Besut, Barat Laut Selangor, Krian/Sg. Manik dan Pahang Barat akan ditambah dalam tahun 1980 menjadi 11 dengan mengadakan 6 projek baru iaitu di Negeri Sembilan Timur, Balik Pulau-Seberang Prai, Lembah Kedah (iaitu di kawasan luar MADA), Rompin-Endau, Melaka dan Trengganu Hilir. Peruntukan sebanyak \$71,761 juta adalah dipohon bagi projek-projek baru ini dalam tahun 1980.

Kementerian Pertanian seterusnya juga memohon \$5 juta untuk menjalankan kajian dan siasatan kemungkinan projek-projek, dan ini akan meliputi projek-projek untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti. Sebanyak \$28 juta lagi dipohon untuk melaksanakan projek-projek pembangunan pertanian yang berdasarkan kajian dan perancangan Yunit-Yunit Perancang Ekonomi Negeri-negeri.

Di samping menyertai projek-projek pembangunan pertanian integrated ini, agensi-agensi di bawah Kementerian saya, masing-masing mempunyai strategi serta program-program untuk mencapai matlamat Kementerian seperti telah disebutkan di atas.

Tuan Pengerusi, projek-projek Jabatan Pertanian yang dijalankan dalam tahun 1980 adalah merupakan sambungan projek-projek yang dimulakan pada tahun ini. Bagi meneruskan kerja-kerja ini jumlah peruntukan sebanyak \$110,051,330 yang terdiri dari \$19,806,800 untuk Belanja Mengurus dan \$90,244,530 lagi untuk maksud pembangunan diperlukan. Usaha giat sedang dijalankan memberi perkhidmatan melalui projek Yunit Perhubungan Perkembangan, Projek Perkembangan Kebangsaan serta membaiki dan membina Pusat-pusat Latihan Pertanian.

Semua negeri juga terus menikmati faedah dari projek Bantuan-bantuan Tanaman Ladang (Di bawah Rancangan Subsidi A.I.D.). Di bawah projek ini aktiviti-aktiviti yang dijalankan meliputi pemulihan dan menanam semula dusun-dusun dan galakan mempelbagaikan tanaman sama ada tanaman kekal atau tanaman jangka pendek. Bantuan yang diberi adalah dalam bentuk benih-benih, baja, bahan kimia dan lain-lain input pertanian.

Pekebun-pekebun kecil juga akan mendapat faedah daripada projek Bank Dunia yang dinamakan Rancangan Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa. Selain dari diberi bantuan wang dan bahan-bahan untuk memulih atau menanam semula kebun-kebun kecil kelapa, mereka juga digalakkan menanam tanaman selingan serta membiak ternakan yang sesuai.

Keselamatan tanaman diberi perhatian serius supaya musuh dan penyakit tanaman dapat dicegah dan dihapuskan. Antara

aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah mengadakan satu sistem Pest Surveillance, menguatkuasa undang-undang pemeliharaan tanaman, memusnahkan serangga, tikus dan penyakit-penyakit tanaman.

Tanah-tanah di dalam sektor pertanian dapat digunakan dengan maksimanya dengan khidmat berbentuk kajian serta analisa ke atas tanah-tanah itu.

Kesemua aktiviti-aktiviti ini memerlukan tangan yang terlatih dan mahir dalam pelbagai bidang pertanian dan keenam-enam sekolah pertanian di Air Hitam, Serdang, Kuala Lipis, Besut, Bumbung Lima dan Parit akan terus melatih serta mengeluarkan tenaga-tenaga itu.

Tuan Pengerusi, pelaksanaan projek-projek Jabatan Parit dan Taliair juga akan dipesatkan dalam tahun 1980 kerana Jabatan itu telah diperuntukkan tambahan sebanyak \$195.8 juta ataupun pertambahan kira-kira 33.6% daripada peruntukan pembangunan asal berikutan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan ini adalah dianggarkan lebih kurang 984,000 ekar tanah di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan mendapat kemudahan-kemudahan pengairan, saluran serta pencegahan banjir.

Peringkat pertama pelaksanaan Projek Pembangunan Pertanian Johor Barat yang meliputi kira-kira 330,000 ekar akan disempurnakan kerja-kerja utama menjelang akhir tahun 1980. Di samping itu pelaksanaan peringkat kedua projek raksaksa itu yang meliputi 450,000 ekar akan dimulakan dalam tahun 1980.

Kemudahan pengairan tambahan di kawasan-kawasan jelapang padi di Muda, Tanjung Karang, Krian dan Sungai Manik serta kawasan-kawasan lain di luar kawasan jelapang padi itu akan terus diadakan.

Usaha ditumpukan juga dalam tahun 1980 untuk mengadakan banyak lagi tanah baru untuk tanaman padi. Ke arah ini seluas 12,000 ekar tanah paya di Seberang Perak akan dipercepatkan pembukaannya. Kajian-kajian terus dijalankan ke atas tanah-tanah paya di kawasan Rompin-Endau dan lain-lain untuk memastikan kemungkinan memajukannya sebagai kawasan menanam padi.

Mengenai kerja-kerja mencegah banjir, beberapa projek terus dijalankan. Di Ibu Kota Negara, kerja meninggikan ampungan Klang Gates untuk menambahkan keupayaan mencegah banjir serta menampung bekalan air hampir siap, dan pada tahun 1980, kerja-kerja akan dimulakan ke atas seluas kira-kira 65,000 ekar di Kemasin-Semarak untuk mencegah banjir serta memperbaiki kemudahan parit dan taliair.

Bagi melaksanakan projek-projek yang disebutkan tadi Jabatan Parit dan Taliair memerlukan peruntukan sejumlah \$304,034,893 yang terdiri dari \$8,539,400 bagi perbelanjaan mengurus dan \$295,495,493 lagi untuk perbelanjaan pembangunan.

Tuan Pengerusi, Rancangan pembangunan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dalam tahun 1980 yang akan dilaksanakan adalah dalam bentuk mengemas, mengukuh serta mengembangkan 25 buah Pusat Mengumpul Susu (MCC), mengembangkan skim Kawasan Kemajuan Ternakan Ayam supaya menjadi sekim kebangsaan, mengembangkan Perkhidmatan Permanian Beradas dan Perkhidmatan Kesihatan serta mempergiatkan Perkhidmatan Latihan dan Nasihat. Kesemua rancangan pembangunan ini bertujuan memberi kesan yang penuh terhadap usaha-usaha Jabatan itu untuk mempertingkatkan pendapatan penternak serta pengeluaran ladang ternakan.

Khususnya, penubuhan Pusat Permanian Beradas Kebangsaan dan Sekim Kawalan Penyakit akan juga meninggikan lagi mutu baka-baka ternakan serta kesihatan ternakan-ternakan itu. Usaha-usaha ini juga akan menambah dan mempercepatkan lagi kemajuan pembangunan ternakan di negara ini ke arah mencukupi keperluan daging. Lain-lain rancangan yang akan dilaksanakan dalam tahun 1980 untuk membangunkan sektor ternakan ialah pembelian dari luar negeri tidak kurang dari 10,000 ekor lembu-lembu baka baik jenis susu dan daging, kambing dan babi untuk dipelihara dan diedarkan kepada penternak-penternak. Usaha akan dijalankan bagi meningkatkan lagi kebolehan Makmal-makmal Diagnosa, Pusat Penyelidikan Haiwan dan Pusat Penyiasatan Penyakit Haiwan bagi mencegah serta menghapuskan diantaranya penyakit Gugur Lembu dan Penyakit Berak Kapur di kalangan ternakan lembu dan ayam.

Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$15,034,500 belanja mengurus dan \$36,564,500 belanja pembangunan bagi tahun 1980 (termasuk \$1,347,000 sebagai pinjaman).

Salah satu usaha bagi memperbaiki sosio-ekonomi masyarakat nelayan ialah bagi membolehkan nelayan-nelayan memiliki bot, enjin dan pukat sendiri, serta menggalakkan penggunaan bot-bot berjentera dan alat-alat penangkapan ikan yang lebih berkesan. Jabatan Perikanan melalui projek subsidi nelayannya telah mengeluarkan bantuan sedemikian kepada 5,890 nelayan dan seramai 2,930 orang lagi akan menerima bantuan ini menjelang tahun akhir Rancangan Malaysia Ketiga.

Di samping itu penternak ikan juga akan terus mendapat subsidi untuk membina kolam, peralatan-peralatan, belanja penyelenggaraan, sangkar untuk ternakan ikan dan benih-benih ikan. Dengan subsidi ini penternakan ikan dapatlah menambahkan bekalan ikan melalui hasil ternakan dan menambah peluang pekerjaan di luar bandar yang akan memberi faedah pendapatan yang lebih tinggi kepada mereka.

Kejayaan aktiviti-aktiviti dan lain-lain usaha yang dijalankan untuk memperbaiki sektor perikanan adalah bergantung kepada perkhidmatan perkembangan yang effective. Bantuan Teknik British adalah diperolehi bagi membantu Jabatan Perikanan menubuhkan suatu perkhidmatan perkembangan yang berkesan kepada kaum nelayan dan industri perikanan.

Jabatan Perikanan juga bekerjasama rapat dengan pihak Polis dan Tentera Laut di Raja Malaysia untuk memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan dan mengawal ketenteraman di laut. Kerja kuatkuasa Undang-undang Perikanan Laut dan Perairan Muara dijalankan di seluruh perairan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$14,723,400 belanja mengurus dan \$53,287,674 belanja pembangunan bagi tahun 1980.

Tuan Pengerusi, Jabatan Pembangunan Koperasi akan menumpukan usaha dalam tahun 1980 menyusun semula Gerakan Koperasi supaya gerakan itu menjadi lebih dinamik dan dapat memainkan peranan yang

berkesan dalam pembangunan ekonomi negara terutama di kalangan mereka yang berpendapatan rendah.

Sehingga masa sekarang, sebanyak 1,951 buah koperasi yang mempunyai 1,200,000 orang ahli telah didaftarkan di seluruh Malaysia. Harta koperasi-koperasi ini telah meningkat hampir 1 billion ringgit.

Dari segi pencapaian dalam perdagangan "sophisticated" Gerakan Koperasi telah melaburkan \$12.5 juta dalam bidang perdagangan dan perusahaan dan lebih dari \$17.668 juta dalam pembelian saham syarikat-syarikat yang tersenarai. Dalam perusahaan perumahan pula, \$14.6 juta wang modal telah ditanam sehingga masa ini Koperasi Perumahan telah dapat membina 10,592 yunit rumah dengan nilai \$303 juta. Sebanyak 3,818 yunit rumah adalah dalam proses pembinaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Sungguhpun pencapaian tersebut adalah nyata, demikian pengawasan yang lebih berkesan perlu dijalankan untuk menentukan tiada penyelewengan di kalangan koperasi-koperasi yang boleh merugikan rakyat pada keseluruhan. Bagi mencapai matlamat pengawasan yang lebih berkesan satu yunit penguatkuasa akan ditubuhkan di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi pada tahun 1980.

Selain dari mengadakan perkhidmatan nasihat dan pengawalan, Jabatan Pembangunan Koperasi memohon peruntukan sebanyak \$9.4 juta dalam tahun 1980 bertujuan memberi pinjaman kepada koperasi-koperasi untuk menjalankan projek-projek yang viable.

Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$17,958,240 dalam tahun 1980, iaitu \$7,998,000 untuk Belanja Mengurus dan \$9,960,240 untuk perbelanjaan pembangunan.

Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang merupakan agensi utama dalam menjalankan aktiviti-aktiviti bertujuan memajukan sosio ekonomi masyarakat khususnya di luar bandar, memerlukan peruntukan \$22,177,600 untuk Belanja Mengurus dan \$7,450,228 untuk Perbelanjaan Pembangunan dalam tahun 1980. Usaha-usahanya adalah ditumpukan kepada bidang sosial, bidang agama, dan bidang pembangunan

keluarga. Pendidikan ugama dititikberatkan supaya masyarakat mempunyai pandangan yang lebih positif dan sempurna serta lebih cenderung ke arah kemajuan dan pembangunan keluarga, peranan wanita dalam pembangunan negara juga dititikberatkan. Mereka diberi pendidikan dalam bidang ekonomi rumahtangga, kegiatan-kegiatan seperti projek rumah sempurna, makanan seimbang dan pembimbingan kanak-kanak. Suri-suri rumahtangga digalakkan menambahkan industri-industri ringan seperti perusahaan kraftangan. KEMAS akan mendirikan pula dalam tahun baru sebuah organisasi pemasaran kraftangan untuk memasarkan hasil-hasil kraftangan itu. Sepanjang tahun 1980, KEMAS dijangka dapat memberi bimbingan dan latihan kepada 360,000 orang lelaki dan perempuan melalui berbagai kelas anjurannya. Ini tidak termasuk lagi lebih kurang 37,495 kanak-kanak yang dapat masuk Taman Bimbingan Kanak-kanak KEMAS.

MARDI, agensi utama dalam menjalankan penyelidikan dan kemajuan pertanian, akan mempergiatkan penyelidikannya dalam tahun 1980. Tumpuan lebih akan diberi ke atas tanaman padi, koko dan buah-buahan. Segala kajian yang dijalankan adalah bertujuan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh petani dengan meninggikan mutu dan menambahkan hasil keluaran pertanian, mengeluarkan secara tempatan hasil-hasil tanaman yang biasanya diimport dan membanyakkan lagi kegunaan hasil pertanian serta memperbaiki cara-cara memprosesnya, di samping memperkenalkan dan menguji teknologi-teknologi baru menentukan kesesuaiannya bagi keadaan tempatan.

Rancangan Latihan dan Kemajuan Kerjaya juga terus dilaksanakan supaya pegawai-pegawai penyelidikan pertanian dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih cekap, teratur dan berkesan.

Lain-lain aktiviti khusus yang akan dijalankan dalam tahun baru termasuk kaji-bumi di kawasan KADA, pembiakan nenas dan orkid, penyimpanan benih, kawalan musuh dan penyakit, kejuruteraan pertanian dan pengurusan air, menganalisa bagi penyelidikan padi dan ekonomi keluaran ubi kayu, buah-buahan dan tembakau.

Bagi MARDI melaksanakan program penyelidikannya dalam tahun 1980 ia perlu peruntukan mengurus sebanyak \$44,400,000 dan peruntukan pembangunan sebanyak \$22,311,360.

FAMA terus memperkukuhkan sistem pemasaran bagi hasil-hasil pertanian sebagai usaha menentukan petani-petani mendapat harga yang berpatutan daripada hasil-hasil pengeluaran mereka. Beban kerja perkhidmatan pemasaran FAMA dijangka bertambah dalam tahun 1980 apabila diluaskan tanggungjawab pemasaran untuk meliputi banyak lagi Pusat-pusat Kemajuan Peladang. Di samping itu bilik-bilik sejuk akan didirikan di 10 buah bandar iaitu Muar, Kluang, Kota Tinggi/Marang, Jelebu, Ulu Selangor, Hilir Perak, Sungai Petani, Cameron Highlands, Besut dan Ulu Kelantan.

Di samping itu projek "refrigerated truck" juga dilancarkan untuk complement bilik-bilik sejuk yang ada. \$900,000 akan dibelanjakan bagi projek ini dalam tahun 1980.

Sistem pemasaran juga bergantung kepada pengangkutan yang cepat dan murah bagi membawa pengeluaran pertanian dari kawasan-kawasan kemajuan peladang ke pasar-pasar. Sebanyak 20 buah lori dijangka akan memberi perkhidmatan yang demikian menjelang akhir tahun 1980.

Bagi melaksanakan projek-projek FAMA, sebanyak \$8,794,200 diperlukan untuk Belanja Mengurus dan \$32,831,600 untuk Perbelanjaan Pembangunan (termasuk \$3,133,100 sebagai pinjaman).

Bank Pertanian Malaysia, sebuah institusi kredit pertanian yang ditubuhkan oleh Kerajaan adalah dijangka menguruskan kelulusan pinjaman yang bernilai \$161 juta kepada kaum petani dalam tahun 1980. Anggaran pengeluaran wang pula bagi 1980 dijangka berjumlah \$122 juta yang terdiri dari pinjaman-pinjaman jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang. Adalah dianggarkan juga antara \$20 juta hingga \$30 juta lagi dapat dikeluarkan dalam tahun 1980 untuk mengekal, menebus dan memajukan tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu.

Bank Pertanian juga akan terus mempergiatkan pemberian kredit kepada projek-projek perusahaan berasaskan pertanian dalam tahun 1980.

MADA akan menumpukan usaha pertanian dalam tahun 1980 untuk meningkatkan perkhidmatan perkembangannya berikutan pelancaran projek pembangunan MUDA II mulai tahun ini. Rancangan urbanisasi serta menyusun semula masyarakat dalam kawasan MADA, kempen melebihi hasil pengeluaran makanan dengan diperkenalkan rancangan ternakan, memelihara ikan, menanam buah-buahan dan berkebun sayur semua menghendaki perkhidmatan perkembangan yang berkesan.

Kerja-kerja biasa mengendali dan menjalankan sistem perairan bagi kawasan MADA seluas 96,000 hectre (237,000 ekar) juga akan mendapat perhatian berat.

Lain-lain kegiatan termasuk membaiki tanah-tanah masam dengan menjalankan bantuan kapur dan meneruskan projek pembangunan industri yang bertujuan memberi kerja kepada penduduk dalam kawasan MUDA.

MADA memerlukan \$12,840,000 untuk belanja mengurus dan \$2,247,012 bagi pembangunan dalam tahun 1980.

Satu lagi kawasan jelapang padi yang akan terus dibangunkan dalam tahun 1980 ialah di kawasan Kemubu. Pihak KADA dijangka meluaskan kawasan bagi tanaman padi luar musim dan dalam musim untuk menjadi 80,000 ekar. Perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan juga akan ditingkatkan serta diperluaskan untuk meliputi pembekalan bahan-bahan input pertanian, kemudahan kredit pengeluaran, perkhidmatan trektor dan pemasaran kepada petani-petani. Kesemua usaha membasmi kemiskinan ini bertujuan mengurangkan kos pengeluaran kepada petani serta meningkatkan pendapatan bersih mereka.

Banyak lagi kemudahan-kemudahan akan disediakan seperti pam-pam booster, pembinaan culvert, jambatan jalan kaki dan jambatan trektor di tempat-tempat yang memerlukan. Kerja-kerja pemulihan sistem perairan di kawasan Pasir Mas, Lemal dan Alor Pasir terus dijalankan dalam tahun 1980.

Bagi melaksanakan rancangan pembangunannya KADA memerlukan peruntukan belanja mengurus sebanyak \$11,108,200 dan perbelanjaan pembangunan \$3,879,810.

MAJUIKAN memerlukan peruntukan berjumlah \$20,105,104 yang terdiri dari \$8,381,000 untuk belanja mengurus dan \$11,724,104 untuk pembangunan dalam usaha-usaha meninggikan taraf sosio ekonomi nelayan dan memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan. Koperasi-koperasi Nelayan akan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti ekonominya iaitu pembekalan keperluan-keperluan nelayan seperti minyak, airbatu, barang keperluan harian, alat-alat ganti, alat-alat penangkapan ikan dan pakaian serta kegiatan-kegiatan lain yang bersangkutan dengan pembangunan nelayan untuk faedah ahli-ahlinya. Dan ini berkehendakkan peruntukan sebanyak \$4.4 juta sebagai "launching grant" ataupun modal tambahan kepada koperasi-koperasi yang mempunyai projek perniagaan yang "viable".

Di bawah projek penangkapan ikan utama, dalam tahun 1980, 100 buah bot serbaguna lagi akan dilancarkan di Sarawak. Di samping itu ternakan ikan air tawar dan air payau dipergiatkan di Tanjung Dawai, Kedah di bawah pelaksanaan projek ternakan ikan dan udang.

Perusahaan perikanan di Pantai Timor Semenanjung Malaysia juga akan terus dimajukan dengan bertambah aktiviti-aktiviti Syarikat MAJUIKAN Pantai Timor Sdn. Bhd., sebuah syarikat milikan MAJUIKAN, yang sedang mengendali pelaksanaan 40 buah bot pukut tunda dan sebuah kilang airbatu di Trengganu.

MAJUTERNAK memerlukan peruntukan sejumlah \$24,281,460 iaitu \$3,238,200 bagi belanja mengurus dan \$21,043,260 belanja pembangunan untuk membiayai projek-projek baru dan juga projek-projek yang belum disiapkan lagi.

Projek-projek ini termasuk perusahaan tenusu. Menjelang tahun 1980, 8 buah yunit susu komersial dijangka siap dibina dan boleh mengeluarkan 1 juta gelen susu setahun. Dari 7 buah rancangan daging dan daging/tenusu yang sudah dimajukan, lebih kurang 1.4 juta lb. daging pula dapat dikeluarkan dalam setahun. MAJUTERNAK juga bergiat dalam perdagangan daging lembu dan ayam bagi maksud memperbaiki sistem pemasaran lembu, daging dan ayam untuk menjamin bekalan yang mencukupi dengan harga yang berpatutan bagi memenuhi kehendak-kehendak pasaran tempatan.

Di bawah Projek Perdagangan Daging pada tahun 1980, akan dibuka satu cawangan di Negeri Sarawak untuk menjaga pengimpotan lembu-lembu hidup dan satu lagi cawangan di Negeri Kelantan untuk menguruskan pasaran lembu-lembu hidup di negeri itu. Adalah dianggarkan sebanyak 20,500 ekor lembu dengan nilai \$15.5 juta dapat di niagakan dalam tahun 1980.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) memerlukan sejumlah \$53,660,558 iaitu \$18,853,000 untuk perbelanjaan mengurus dan \$34,807,558 untuk perbelanjaan pembangunan dalam tahun 1980 bagi meneruskan program-program pembangunannya untuk meninggikan taraf sosio ekonomi peladang kecil seluruh negara melalui gerakan koperasi.

Sebanyak 11 buah lagi Pusat Kemajuan Peladang akan dibina dalam tahun 1980 untuk tujuan kegiatan ekonomi petani-petani seperti penyebaran teknologi pertanian, perkhidmatan perkembangan, kredit, input pertanian, pemasaran, pemerosesan, penyelidikan, pengangkutan, operasi perdagangan dan lain-lain yang berkaitan dengan pengeluaran pertanian. Jumlah ini adalah tambahan kepada 102 buah Pusat Kemajuan Peladang (PKP) yang dibina dalam tahun 1978 dan 21 buah PKP sedang dibina.

\$9 juta dijangka akan dibelanjakan dalam tahun 1980 dalam projek pengeluaran ladang dan mempelbagaikan tanaman. Dengan perbelanjaan tambahan ini maka lebih banyak ahli-ahli peladang akan dapat peluang menyertai projek ini. Jenis-jenis tanaman yang diusahakan adalah terdiri dari ubi kayu, kacang tanah, pisang, tembakau, keledak, jagong, koko, tembikai, tebu dan lain-lain tanaman sayur-sayuran.

Di bawah projek penggunaan kejenteraan ladang, peladang-peladang telah dibekalkan secara grant dan juga sebagai subsidi sebanyak 337 buah trektor 4 roda dan 172 jenis kenderaan 4 roda dalam tahun 1978 dan 1979. Dalam tahun 1980 pula sebanyak 75 buah trektor, 9 buah mini trektor 2HP serta 30 jenis kenderaan 4 roda dicadangkan untuk dibelikan.

22 buah lagi Pusat-pusat Pungutan Hasil Pertanian yang digunakan sebagai tempat mengumpul, menyimpan dan menggreg hasil-hasil pertanian terus dibina dalam tahun 1980. Ini adalah tambahan juga kepada 31 buah pusat yang dibina dalam tahun 1978 dan 30 buah yang sedang dibina.

Bagi projek pembekalan input pertanian sebanyak \$4.2 juta adalah dipohon bagi tahun 1980. Pemberian adalah dalam bentuk baja, kimia pertanian dan bahan-bahan makanan ternakan dan diuntukkan kepada koperasi-koperasi di peringkat kawasan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali sebagai suatu rancangan subsidi khas, Kementerian saya memohon sebanyak \$100 juta untuk memberi subsidi baja padi kepada petani-petani yang mengerjakan sawah padi. Peruntukan ini adalah untuk bekalan baja dan ain-lain input setakat \$60 seekar dengan maksima 6 ekar bagi tiap-tiap seorang yang layak.

Tuan Pengerusi, Aktiviti-aktiviti Kementerian Pertanian pada keseluruhannya ialah bertujuan untuk meninggikan taraf sosio ekonomi masyarakat petani dan nelayan serta menentukan pengeluaran bahan-bahan makanan dapat menampung dengan cukupnya keperluan negara serta dapat dieksport.

Tuan Pengerusi, dengan keterangan-keterangan yang telah diberikan tadi, saya memohon peruntukan sebanyak \$1,030,135,869 iaitu \$203,527,500 untuk Belanja Mengurus di bawah Kepala B. 24 dijadikan sebahagian daripada Jadual dan Belanja Pembangunan di bawah Kepala P. 24 sebanyak \$826,608,369 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan untuk maksud Bekalan B. 24 dan Maksud Pembangunan P. 24 di bawah Kementerian Pertanian sekarang terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

5.52 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh P. 24, Butiran 7—Lembaga Pertubuhan Peladang, muka surat 169.

Persatuan Peladang ini digerakkan dengan begitu cara untuk mendapatkan sambutan yang baik daripada belia-belia kita. Dengan adanya gerakan ini maka ianya memberi peluang kepada belia-belia kita di luar bandar. Salah satu daripadanya ialah memberi bimbingan dalam usaha pertanian serta meninggikan pendapatan mereka. Saya berpendapat bahawa untuk mendapatkan tempat berniaga adalah perkara yang mustahak

kerana hasil-hasil usaha pertanian ini perlu mendapat pasaran yang baik. Tumpuan yang besar hendaklah diperhatikan seumpama di bandar-bandar besar dan di bandaraya kerana di situlah banyaknya peluang-peluang perniagaan yang boleh meninggikan pendapatan mereka. Saya mengharapkan bahawa selain daripada bantuan kepada peniaga-peniaga kecil maka bantuan seumpama itu hendaklah juga diberikan kepada mereka. Ini bukan sahaja dapat menambah bilangan peniaga Melayu tetapi juga dapat mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru.

Saya ingin mengesyorkan bahawa pusat-pusat perniagaan hendaklah diperbanyakkan supaya hasil pertanian orang-orang luar bandar akan mudah disalurkan kepada pusat pusat ini.

Dalam pada itu saya juga ingin menyentuh mengenai dengan penanaman kopi, koko dan kacang tanah, Butiran 1000, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am, Aktiviti (2)—Pertanian dan Butiran 3—Kemudahan-kemudahan MARDI, muka surat 169.

Kita tahu bahawa tanaman kopi dan koko adalah mendapat pasaran yang baik di mana-mana sahaja di dunia ini kerana ianya menjadi minuman kepada setiap orang walaupun ada usaha-usaha pada masa ini dijalankan oleh FELDA dan badan-badan swasta, namun begitu kita mengharapkan bahawa belia-belie kita bolehlah mengusahakan rancangan seperti ini kerana ia bukan sahaja memberi keuntungan yang besar malah mengurangkan import kopi dan koko dari luar negeri dan ia boleh menyelamatkan tukaran wang luar negeri.

Dalam pada itu saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan agar satu tinjauan dapat diadakan tentang bagaimana koko yang diusahakan di Bahamas sehingga kopinya termasyhur di seluruh dunia yang terkenal dengan Nescafe. Apakah mutu tanaman kita tidak dapat diusahakan seperti itu? Saya percaya pegawai-pegawai dalam Kementerian Pertanian yang mempunyai banyak pakar-pakar tanaman khususnya MARDI boleh menjalankan usahanya seperti ini. Begitu juga tanaman kacang boleh dijadikan tanaman selingan. Ini boleh diusahakan di mana sahaja kawasan tanah dan harganya juga berpatutan. Maka dengan kerana itu, saya juga berpendapat bahawa

usaha ini juga boleh dijalankan oleh belia-belie kita khususnya dari Persatuan Peladang.

Tuan Pengerusi, P. 24, Butiran 280 Kemajuan Koperasi, muka surat 183.

Salah satu daripada matlamat koperasi ialah berjimat-cermat di samping membantu kepada ahli-ahli begitu juga menyatukan koperasi-koperasi kecil kepada koperasi besar. Matlamat ini saya rasa telah tercapai dan ia dapat melicinkan pentadbiran dan perjalanan koperasi agar ia dapat bergerak dengan lebih cergas lagi.

Tuan Pengerusi, satu ketika dahulu Kerajaan telah menggazetkan bahawa ahli-ahli Jawatankuasa Pengusaha dalam sesebuah koperasi tidak dibenarkan duduk di dalam Jawatankuasa Pengusahanya lebih daripada 6 tahun berturut-turut. Ianya telah mendapat bantahan yang kuat daripada berbagai-bagai gabungan koperasi.

Saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa langkah seumpama ini adalah satu langkah yang bijak dan berani kerana ianya ada berlaku monopoli dalam berbagai-bagai syarikat kerjasama terhadap Jawatankuasa Pengusahanya di atas kepentingan pegawai-pegawai dalam koperasi tersebut.

Kita tahu di Malaysia ini hanya ada 2 gabungan koperasi yang terbesar, satu ANGKASA yang mewakili koperasi luar bandar dan satu lagi Co-operative Union of Malaysia (CUM). Dengan adanya bantahan tersebut, maka perisytiharan itu ditarik balik. Ini bermakna setiap ahli Jawatankuasa Pengusaha Koperasi boleh menduduki jawatankuasa tersebut lebih daripada 6 tahun, tanpa sekatan. Saya ingin mengesyorkan supaya sekatan tersebut hendaklah dikenakan semula berdasarkan bahawa:

- (a) Koperasi yang besar yang mempunyai ahli yang ramai dengan modal pusingan yang lebih daripada \$1 juta hendaklah dikenakan peraturan baru ini iaitu ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusannya tidak dibenarkan duduk dalam Jawatankuasa lebih daripada 6 tahun berturut-turut.
- (b) Koperasi yang kecil dan bilangannya yang tidak ramai dan dengan modal pusingan kurang daripada \$1 juta bolehlah dibenarkan duduk dalam Jawatankuasa Pengurusannya lebih

daripada 6 tahun, jika perlu. Ini memandangkan sebab-sebab pentadbiran yang perlu mendapat bimbingan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

- (c) Pegawai-pegawai di dalam syarikat koperasi yang berumur lebih daripada 55 tahun tidaklah digalakkan untuk memberi sambungan pekerjaannya.

Tuan Pengerusi, Butiran 100—Rancangan-rancangan Taliair, muka surat 174.

Negara kita ini sekarang pesat dengan pembangunan. Pokok-pokok banyak di tebang. Ini menyebabkan air tidak dapat bertahan dan bertakung, akhirnya ia mengalir dengan begitu cepat dan bertakung di sana sini. Lihat sahaja apa yang berlaku di bandaraya Kuala Lumpur. Kalau hujan turun setengah jam atau lebih sahaja, Kuala Lumpur akan banjir di sana sini. Apa yang saya perhatikan ialah pembangunan berjalan dengan begitu pesat tetapi pembinaan parit dan taliair, rasa saya tidak selaras dengan pembangunan. Maka dengan kerana itu ia mudah sahaja berlaku banjir.

Saya ingin mengesyorkan bahawa apabila sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan maka Pejabat Parit dan Taliair mestilah diminta pandangannya lebih dahulu, kerana ianya juga ada kaitan dengan pembangunan. Pada pendapat saya pandangan mereka adalah perlu diambil kira supaya kejadian banjir itu dapat dikawal dan dicegahkan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh juga Butiran 102—Rancangan Mencegah Banjir, Kelantan muka surat 174. Apa yang berlaku sekarang di kawasan saya iaitu Kampung Laut dan Kampung Kutan apabila sahaja hujan ataupun musim gelora, tanah tebing di kawasan tersebut runtuh dan merosakkan penghidupan beribu-ribu penduduk di kawasan tersebut dan saya mengharapkan supaya pihak yang berkenaan mengambil perhatian agar hakisan hendaklah dibuat di kawasan-kawasan tersebut, sekurang-kurangnya dapat menyelamatkan kawasan tersebut daripada runtuh akibat daripada musim gelora yang sentiasa melanda di tempat tersebut dan saya berharap tindakan segera dapat diambil untuk menyelamatkan kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat inilah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan Kementerian Pertanian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu.

6.01 ptg.

Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong (Lubok Antu): Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1980 di bawah Kementerian Pertanian yang dilancarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menghuraikan di atas Maksud P. 24, muka surat 171, Butiran 40 dan 43 iaitu berkaitan dengan Penyelidikan Pertanian dan Projek Perkembangan Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, sementara bercakap mengenai pertanian di sini, saya ingin menyentuh tentang tanaman yang mendatangkan pendapatan jutaan ringgit di Sarawak yang telah diusahakan oleh rakyat tempatan selama beberapa ratus tahun dan masih belum dijalankan penyelidikan sewajarnya bagi memperbaiki pengeluarannya.

Berhubung dengan ini saya berharap Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya terus mengadakan penyelidikan dan mengambil perhatian yang berat di atas tanaman yang hendak saya sentuh di sini. Tanaman tersebut dikenal sebagai mengkabang (illipe nuts). Mengkabang ialah buah dari pokok rial yang berbuah 5 tahun sekali. Pokok ini ada dua jenis, sejenis besar dan sejenis lagi kecil dan pokok mengkabang mengambil masa kematangan hitung panjang selama 15 tahun. Pada tahun-tahun pengeluarannya yang banyak negeri Sarawak akan mendapat berjuta-juta ringgit dari hasil buah ini.

Saya berpendapat di Republik Indonesia telah membuat beberapa penyelidikan mengenai mengkabang di beberapa bahagian di Pulau Jawa. Hasil dari penyelidikan ini Indonesia boleh menghasilkan buah mengkabang mereka dalam masa 4 ke 5 tahun dan sekarang ini mengkabang mereka telah menjadi sebagai tanaman tahunan. Dengan ini saya ingin menarik perhatian MARDI di Kementerian Pertanian untuk menjalankan beberapa penyelidikan ke atas perkara yang tersebut. Jika mereka berjaya negara kita boleh memperbaiki hasil tanaman ini dan dengan itu dapat menambah pendapatan bagi eksport negara kita.

Selanjutnya kalau kita boleh berjaya dalam penyelidikan ini, kita bukan sahaja dapat menambahkan hasil pendapatan tetapi juga akan menolong menambahkan usaha kita di dalam mempelbagaikan tanaman. Saya rasa pihak Lembaga yang bertanggungjawab terutamanya MARDI akan mengambil perhatian mengenainya dan menjalankan penyelidikan ke atas kependekan jangka masa kematangan dan untuk pengeluaran tahunan atau sekurang-kurangnya 3 tahun sekali.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu dua perkara di atas Maksud P. 24, muka surat 170, Butiran 15 dan 16—Lembaga Kemajuan Ternakan Negara, tajuk (i) Perusahaan Haiwan Kebangsaan; (ii) Rancangan Daging/tenusu; dan (iii) Pusat Penyelidikan dan Latihan Menternak Haiwan.

Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa tentang rancangan pawah yang telah dihentikan di negeri Sarawak kerana beberapa sebab dan telah digantikan dengan sistem lain yang hanya memberi bahan-bahan ternakan kepa penternak ini adalah tidak cukup kerana walaupun penternak mendapat barang-barang ini, mereka masih tidak mendapat jenis ternakan yang sesuai yang boleh membaiki pengeluaran daging. Kesukaran penternak mendapat jenis ternakan yang sesuai adalah menjadi satu masalah yang tidak boleh diabaikan oleh Kerajaan jika kita benar-benar ingin menambahkan pengeluaran daging di negara ini, dengan kekurangan daging binatang liar yang diperolehi dari pemburuan yang tidak terkawal yang berlaku dan diamalkan selama beberapa ratus tahun di negeri ini. Saya rasa pengeluaran daging seperti daging lembu dan kambing adalah perlu bagi negara kita terutamanya untuk negeri Sarawak di mana ramai dari rakyatnya tidak mampu membeli daging yang diimport untuk keperluan serta kepuasan mereka.

Oleh yang demikian, saya memohon kepada Kerajaan Pusat agar membuat satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Sarawak atau Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah bagi memberi peruntukan dengan secukupnya untuk menghidupkan kembali sistem pawah sama ada di kedua-dua negeri itu atau sekurang-kurangnya di Sarawak sahaja supaya tuan-tuanpunya tanah yang terbiar boleh mendapat faedah darinya dan juga dapat membantu negara kita menambahkan pengeluaran daging.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin membangkitkan di dalam muka surat 181, Butiran 239—Bantuan Wang kepada Perusahaan Ikan dan Butiran 240—Menyiasat Sumber-sumber Ikan. Di dalam Butiran-butiran ini, saya juga akan membuat ulasan yang serupa mengenai perikanan darat. Di Sarawak perkara ini ialah perkara negeri tetapi saya difahamkan bahawa tahun ini Kementerian Pertanian Persekutuan telah memberi beberapa peruntukan wang kepada Kementerian Pertanian Negeri bagi membolehkan Kementerian berkenaan membeli anak-anak ikan dari negara-negara lain untuk mengisi kolam-kolam serta sungai-sungai yang kosong di sana.

Kami tahu bahawa pemeliharaan ikan di kolam-kolam dan di sungai-sungai didapati berjaya dijalankan di Sarawak. Saya juga ingin menegaskan selanjutnya bahawa kita patut memelihara ikan di laut-laut atau "logas" seperti yang dipanggil di Sarawak. Kita tidak seharusnya bergantung kepada ikan laut sahaja kerana ia akan kehabisan dan seperkara lagi kerana ikan air tawar adalah juga sumber protein yang baik. Di masa yang sama dengan meluaskan perusahaan ikan darat ini bererti memberi peluang kepada negeri ini untuk memperluaskan ekonominya juga menggalakkan rakyat tempatan mempunyai satu lagi jurusan ekonomi yang baru.

Berkaitan hal ini saya memohon kepada Kerajaan Negeri dan Pusat bagi menemui jalan untuk meluaskan potensi ini supaya Malaysia bukan sahaja mencukupi sendiri dalam pengeluaran ikan laut malahan juga bagi ikan air tawar seperti ikan jelawat, semah dan lampam tengadak yang sangat masyhur di restoran-restoran terutama di Tenggara Asia.

Saya sokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

6.10 ptg.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit berkenaan dengan Kementerian Pertanian iaitu mula-mula sekali saya bercakap berkenaan B. 24, Butiran 1100 Aktiviti 2 (a) pecahan ini. Berkenaan dengan pertanian iaitu sepanjang yang saya tahu bahawa pegawai-pegawai pertanian adalah

kekurangan pegawai rendahnya. Sebab saya tahu di Pulau Pinang, Seberang Prai bila berlaku penyakit-penyakit padi dan sebagainya pegawai-pegawai yang mengawasi perkara yang berkenaan itu sangat kurang. Biasanya pegawai-pegawai ada juga dari MARDI tetapi tidak mencukupi untuk mengawasi atau memberi pertolongan pada keseluruhannya. Saya harap pihak Kerajaan dapat menambah pegawai-pegawai pencegah penyakit, sebab apa yang berlaku di Pulau-Pinang/Seberang Perai serangan tikus, penyakit-penyakit yang menyerang padi itu sentiasa berlaku dan pegawai-pegawai yang ada pada hari ini tidak dapat mengatasi dan petani-petani mendapat kerugian terpaksa menanam sampai dua kali. Tanaman yang pertama dibuang maka di tanam sekali lagi.

Dalam Aktiviti (2) (b)—Parit dan Taliair. Saya percaya pegawai-pegawai yang berkenaan tidak mencukupi, sebab parit-parit dan taliair adalah terbiar selalu tidak dapat dicuci menjadikan sarang tikus. Begitu juga parit gila dan parit buang air, saya dapati tidak pernah dibersihkan kerana kekurangan pegawai. Dengan sebab itu air tidak dapat berjalan dengan baik dan penanam padi lambat dapat bekalan air dan lambat dapat mengeringkan air.

Aktiviti (2) (c)—Haiwan. Di sini juga pegawai-pegawai penyelidik sangat kurang, sebab penternak-penternak yang telah diberi anak-anak ayam itu biasanya ayam telur. Mereka yang menternak ayam ini tidak mendapat hasil telur sebab barangkali nasihat atau kekurangan pegawai, jadi cara-cara memelihara ayam ini tidak diberi dengan sepenuh ataupun dengan sebab penukaran makanan dari masa ke semasa menyebabkan ayam tidak bertelur. Misalnya diberi ayam itu pada akhir tahun, kemudian diambil makanan dari satu kilang dan disambung di awal tahun dari kilang lain. Jadi makanan itu telah bertukar yang menyebabkan ayam itu tidak bertelur. Saya berharap biarlah Kerajaan mengambil makanan itu di satu kilang sahaja supaya ayam dapat menghasilkan telur.

Berkenaan B. 24, Aktiviti (4)—Pembangunan Luar Bandar. Dalam masalah pembangunan luar bandar ini saya nampak Kerajaan mengadakan stesen-stesen pertanian, tetapi segala jenis tanaman-tanaman itu amat kurang dihebahkan kepada orang-orang kampung dan amat kurang diberi maklumat

kepada orang kampung untuk menggalakkan tanaman ini. Di sini juga saya percaya oleh kerana kekurangan pegawai. Sekiranya pegawai cukup

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat selalu sebut kurang pegawai ini tahun inikah atau tahun 1980? Tahun 1980 ini bertambah semua.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Jadi dengan sebab itu Tanah Melayu ini adalah sesuai untuk tanaman buah mempelam, anggur dan sebagainya tetapi pengalaman atau anjuran daripada pihak Jabatan Pertanian itu tidak dapat diberi dengan sepenuhnya. Kalau diberi dengan sepenuhnya saya percaya tanaman segala jenis makanan-makanan yang diimport dari Siam semuanya akan berhasil di sini yang mana akan dapat menambahkan pendapatan orang-orang dan dengan itu akan menghilangkan kemiskinan.

Kepada Maksud P. 24 muka surat 169, Butiran 1 (1) berkenaan dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Ini juga saya ingat kerana kekurangan pegawai juga oleh sebab biasa berlaku tanaman-tanaman yang diusahakan oleh orang kampung tidak dapat dipasarkan. Dengan sebab itu harganya sangat murah dan benda itu tidak dapat dibawa ke market.

Berhubung dengan pemasaran padi, maka pemasaran padi ini juga saya percaya pihak FAMA adalah lambat sangat bertindak iaitu padi-padi yang dituai oleh penanam padi terutamanya musim hujan maka harganya \$32 tetapi potongannya hingga 70 kati. Jadi kalau dengan potongan sampai 70 kati yang dibeli oleh kilang-kilang bermakna harganya \$32 itu tidak berhasillah sebab potongannya sangat banyak. Saya harap dalam perkara ini FAMA hendaklah bertindak dengan segera dan berusaha bersungguh-sungguh supaya padi yang basah itu dapat dikeringkan di kompleks LPN dan saya menyeru Kerajaan supaya di Seberang Perai didirikan kompleks padi LPN ini supaya dapat menolong penanam padi di sana untuk mengeringkan padi dan untuk menstabilkan harga padi.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Bank Pertanian Malaysia, saya telah difahamkan bahawa Bank Pertanian ini penanam padi hendak meminjam untuk memodalkan tanaman padi amat lambat disempurnakan atau diluluskan tetapi sebaliknya kalau

pinjaman itu untuk membeli motosikal dan sebagainya cepat pula. Inilah satu cara yang tidak puashati penanam padi oleh kerana tujuan Bank Pertanian membantu penanam-penanam padi sebagai modal tetapi yang diluluskan itu ialah untuk membeli motosikal dan lain-lain barang. Inilah satu salahguna yang mana saya harap pihak Kementerian berkenaan mengambil perhatian supaya pinjaman itu disegerakan sebab bila lewat diluluskan maka musim padi telah kelewatan tidak dapat digunakan modal itu untuk padi yang sedang dihadapi oleh petani. Dengan sebab itu hutang yang diberi kemudian itu tidak ada guna lagi bahkan boleh di belanjakan untuk lain daripada padi sedangkan dia sudah terhutang di tempat lain dan menambatkan beban mereka.

Butiran 3—berkenaan MARDI. Kerajaan menubuhkan MARDI untuk mengkaji, menyasat, menyelidik dan sebagainya, tetapi sehingga hari ini apa yang saya tahu jenis-jenis penyakit padi itu belum lagi dapat Kerajaan tentukan ubat-ubatnya ataupun mengatasinya. Penyakit padi ini ialah penyakit merah, ulat kisar dan lain-lain sehingga hari ini masih berlaku berterusan, belum lagi pihak MARDI berjaya mengatasinya. Jadi, saya harap dan menyeru pihak Kerajaan supaya dapat bersungguh-sungguh menyelidik berkenaan jenis-jenis penyakit-penyakit padi ini sebab penyakit yang menyerang padi inilah menyebabkan penanam padi menanggung kerugian besar dan kalau penanam padi itu pada satu musim dia keciwa tidak dapat hasil padi, maka tahun hadapan terpaksa dia meminjam modal lagi. Jadi, maknanya hutangnya sudah dua kali ganda. Kalau tidak menjadi juga padinya maknanya dia telah menjadi seorang muflis. Oleh itu, saya harap Kerajaan dapat berikhtiar bersungguh-sungguh menyelidik penyakit padi ini supaya dapat dihebahkan dan dinasihatkan kepada penanam-penanam padi.

Selain daripada itu, saya suka bercakap berkenaan dengan taliair dan parit membuang air. Apa yang saya rasa kurang puashati dengan keadaan parit bekalan air itu ataupun taliair dan parit membuang air, sebab saya dapati di seluruh kawasan di Pulau Pinang dan mungkin lain-lain negeri juga parit aliran memberi air itu dikorek dalam tanah dan tidak tambun dan dikorek dari atas. Jadi dengan sebab itu air tidak dapat mengalir ke sawah dengan sempurna terutama ke tanah

sawah yang tinggi, dan di tempat yang jauh dari taliair terpaksa digunakan pam untuk menyampaikan air. Jadi cara ini pada pendapat saya tidak sesuai, sepatutnya parit memberi air itu duduk di atas bahagian tanah sawah dan dipam masuk air dan dengan itu dapat dimasukkan air ke seluruh sawah dengan mudah sahaja. Sebaliknya parit membuang air itu ialah dikorek sebagaimana sekarang ini juga, tetapi saya percaya parit membuang air mustahak diadakan pam sebab tanah-tanah sawah yang rendah manakala musim hujan tak dapat mengeringkan air kerana paras air dengan sungai atau air laut sama bila musim hujan. Kalau Kerajaan mengadakan satu cara iaitu dipam keluar daripada parit membuang air itu ke laut atau ke sungai, maka dengan itu dapat dikeringkan dengan sebaiknya dan secepat mungkin.

Apa yang saya suka sebutkan di sini ialah supaya Kerajaan mengkaji semula cara parit dan taliair itu apakah sesuai di Malaysia ini seperti parit yang telah dibuat di luar negeri sebab macam mana saya katakan tadi adalah tidak sesuai, sebagaimana yang berlaku baru-baru ini bila hujan begitu lebat sawah-sawah yang di dalamnya padi sedang masak kita banyak hujan, air tak dapat dibuang atau dikeringkan. Jadi kalau tidak dibantu dengan pam untuk membuang air tentu sekali air itu tidak dapat dikeringkan sebab air laut pun biasanya bila hujan lebat itu maka air laut akan pasang, misalnya pada 12hb yang lalu. Padi itu terendam lebih dari seminggu, maka musnahlah semuanya maka menyebabkan kerugian besar kepada penanam padi. Kadang-kadang inilah satu perkara yang menyusahkan dan merunsingkan penanam padi sebagaimana yang saya difahamkan.

Selain dari itu, saya suka menambah lagi berkenaan tanaman padi yakni keadaan musimnya. Hari ini nampaknya tanaman padi itu ikut suka penanam padi sahaja Kerajaan tidak menentukan musimnya, sepatutnya ditentukan musimnya kerana kalau ditanam bulan ini misalnya maka padi itu akan dituai pada musim hujan, kalau ditanam pada bulan sekian maka tidak kena musim hujan. Perkara jadual ini mestilah dihalusi, diamati, diusahakan sungguh-sungguh supaya penanam padi mengikuti dengan baik. Pada kehendak hari ini saya tahu bahawa jadual penanaman padi dan perkara kempen tanaman padi tidak dihebahkan oleh Jabatan Penerangan, sepatutnya kerjasama Jabatan

Penerangan hendaklah digunakan untuk menghebahkan cara-cara dan musim bagi penanaman padi dan di samping itu dengan ditunjukkan cara-cara penanaman padi mengikut musim yang tepat pada musimnya itu akan mendapat keuntungan.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, kerana masa sudah lewat.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

6.25 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Belanjawan Kementerian Pertanian sebanyak \$1,030,135,869 dan saya hendak bercakap mengenai projek Pembangunan Barat Laut Selangor, muka 176, Butiran 134.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian yang telah memperuntukkan bagi tahun 1980 sebanyak \$29,986,950 untuk Projek Rancangan Barat Laut, Selangor. Apa yang saya harapkan, Tuan Pengerusi, ialah merayu supaya dapat dipastikan bahawa untuk pelaksanaan rancangan itu dapat kiranya pegawai-pegawai yang cukup yang ada mempunyai pengalaman untuk tahun 1980 dan saya maklumkan bahawa rancangan itu telah dirasmikan dalam tahun 1978 yang lalu, tetapi sehingga saat ini bagi kawasan Sabak Bernam yang termasuk dalam Rancangan Barat Laut Selangor itu belumlah lagi bermula hanya saya dapat ketahui akan dimulakan dalam hujung bulan November ini. Selain daripada itu, saya mengharap juga supaya rancangan itu lebih

memberi faedah kepada belia-belia dan penduduk-penduduk dalam kawasan tersebut mengenai peluang pekerjaan seperti buruh dan mungkin juga kontraktor-kontraktor kecil yang mereka boleh kerjakan. Dengan peluang ini akan ada pilihan bagi belia-belia di kawasan tersebut untuk mendapat peluang-peluang pekerjaan.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, ialah mengenai perancangan pemasaran. Saya percaya jika rancangan ini telah siap hasil pertanian di kawasan tersebut akan meningkat dan mungkin berlebihan. Saya suka maklumkan sebagai contoh pada masa yang lepas bila dilancarkan revolusi Buku Hijau atau kempen Buku Hijau yang telah dilakukan oleh Kerajaan beberapa masa yang lalu kawasan itu telah dapat mengeluarkan dengan lebih hasil-hasil pertanian dan ternakan, umpamanya, seperti ayam sahaja pada masa itu telah tidak dapat dijual, hanya laku kalau ada pun orang membeli sebanyak 63 sen sekati.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat suka menyambung lagi esok?

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi: Saya akan sambung.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 20hb November, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.